



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGANNYA

MENGGANGKAT SUMPAH:

Dr Gan Kong Seng

Tuan Chin Kim Yoong [Ruangan 1281]

PENGUMUMAN YANG DIPERTUA:

Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru [Ruangan 1281]

Memperkenankan Akta-akta (Ruangan 1281)

Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 1282]

Ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham Y.B. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim [Ruangan 1283]

URUSAN MESYUARAT [Ruangan 1283]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 1284]

USUL:

Akta Perubatan 1971—

Ketetapan di bawah Seksyen 39 (3) untuk meneruskan Bahagian VII [Ruangan 1336]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Timbang dan Sukat (Pindaan) [Ruangan 1374]

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., B.K.T., P.P.T.
(Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR,
S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI
PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Sabah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam
Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Dilantik).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K.,
D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN TAHIR, S.M.T., B.C.K., P.J.K.
(Kedah).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M.,
D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N.,
J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P.
(Dilantik).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P.
(Johor).
- „ TUAN DAIM BIN ZAINUDDIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ DATO HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S.,
S.M.J. (Dilantik).

Yang Berhormat PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM *alias* HASNAH FATIMAH
BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

” DATO SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P.,
J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).

” TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).

” TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).

” TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).

” TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).

” DATO HAJI ISMAIL BIN HASSAN, D.P.M.J., P.I.S. (Johor).

” TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).

” TUAN SYED KAMARUZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD,
K.M.N., A.M.N. (Selangor).

” DATO HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, D.S.D.K., K.M.N., S.D.K.,
J.P. (Dilantik).

” TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).

” TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).

” TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).

” TUAN LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).

” TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).

” TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).

” DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P.
(Pahang).

” TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD,
S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).

” TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).

” TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA
(Dilantik).

” DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K.
(Dilantik).

” TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M.,
P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).

” DATO HAJI MOHD. NOR BIN MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T.,
S.M.S., P.J.K. (Dilantik).

” DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N.,
J.P. (Dilantik).

” TUAN M. MUTHU PALANIAPPAN, A.M.N., P.P.T. (Dilantik).

” TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P.
(Dilantik).

TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).

Yang Berhormat DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M.
(Dilantik).

- ” TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- ” DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I.,
J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- ” PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- ” TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- ” PUAN ROGAYAH ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- ” PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T.
(Dilantik).
- ” TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S.,
D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- ” TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- ” DATO SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I.,
P.I.S., J.P. (Dilantik).
- ” TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- ” TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- ” TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- ” TUAN HAJI YAACOB BIN HAJI ENGKU YUNUS, P.P.N. (Kelantan).
- ” TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- ” TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- ” TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 22hb Jun, 1981

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Dr Gan Kong Seng
Tuan Chin Kim Yoong

PENGUMUMAN YANG
DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli-ahli yang baru dipilih itu dapat memberikan sumbangan mereka yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sukalah hendak memberitahu iaitu Kebawah Duli Yang maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujui Akta-akta yang telah diluluskan oleh Dewan Parlimen dalam mesyuaratnya yang lalu.

Akta-akta tersebut adalah seperti berikut:

1. Akta Perlembagaan (Pindaan) 1981;
2. Akta Pertubuhan (Pindaan) 1981;

3. Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah 1981;
4. Akta Polis (Pindaan) 1981;
5. Akta Perbekalan Tambahan (1979 dan 1980) 1981;
6. Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1981;
7. Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pindaan) 1981;
8. Akta Lembaga Kemajuan (Pindaan) 1981; dan
9. Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) (Pindaan) 1981.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN
RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

“12hb Jun, 1981

Tuan Yang di-Pertua,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Timbang dan Sukat (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Kumpulanwang Pinjaman Pekebun (Pemburuan);
3. Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan);

4. Rang Undang-undang Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan); dan
5. Rang Undang-undang Peruntukan Diraja (Pindaan).

Tandatangan:
 YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

URUSAN MESYUARAT

Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini di bawah Peraturan Mesyuarat 66 (2):

- (1) Rang Undang-undang Timbang dan Sukat (Pindaan);
- (2) Rang Undang-undang Kumpulanwang Pinjaman Pekebun (Pembubaran);
- (3) Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan);
- (4) Rang Undang-undang Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan); dan
- (5) Rang Undang-undang Peruntukan Di Raja (Pindaan).

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

UCAPAN TAKZIAH KEPADA KELUARGA ALLAHYARHAM Y.B. TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan perasaan sedih saya maklumkan iaitu kita telah kehilangan seorang Ahli berikutan dengan kematian Allahyarham Y.B. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim pada 17hb Jun, 1981 yang lalu. Pihak Parlimen telahpun mengutus kawat takziah kepada keluarganya pada 18hb Jun, 1981. Sekarang saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bangun bersama-sama saya bertafakkur selama seminit sebagai menghormati Allahyarham Y.B. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim itu dan bagi orang-orang yang beragama Islam diminta menghadihkan

fatihah seberapa yang ikhlas ke atas roh Allahyarham itu.

(Majlis bertafakur selama satu minit dan Ahli-ahli yang beragama Islam menghadihkan Fatihah).

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

KERUSI TUN ABDUL RAZAK DI UNIVERSITI OHIO

1. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) kelayakan dan pengalaman jenis apa yang membolehkan seseorang menduduki Kerusi Tun Abdul Razak di Pusat Pengajian Asia Tenggara di Ohio Universiti; dan
- (b) keanggotaan jemaah pemilih calon untuk Kerusi Tun Abdul Razak itu.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, (a) Seseorang calon yang dipilih bagi mengisi Kerusi Tun Abdul Razak dalam Pengajian Asia Tenggara di Universiti Ohio mestilah seorang tokoh akademik yang ternama, termasyhur dan diakui segi pengetahuan dan kewibaannya sebagai seorang pendidik dan penyelidik dalam bidangnya bukan sahaja di Malaysia bahkan di peringkat antarabangsa, khususnya di peringkat Asia Tenggara.

(b) Tidak ada satu jemaah pemilih yang khusus untuk memilih calon untuk Kerusi Tun Abdul Razak itu. Pemilihan calon untuk Kerusi ini adalah dibuat oleh Kementerian Pelajaran setelah menerima cadangan daripada Universiti-universiti Tempatan. Calon ini kemudiannya akan dipanjangkan kepada Universiti Ohio untuk persetujuan mereka.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya pemilihan berkenaan kelayakan seseorang untuk menduduki Kerusi Tun Abdul Razak di Pusat Pengajian Asia Tenggara di Universiti Ohio itu tidak diadakan anggota Lembaga

pemilih, hanya ditentukan oleh Kementerian Pelajaran. sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat dan pada hemat saya oleh sebab kedudukan kerusi ini dipandang begitu mahal dan utama terutama sekali di seluruh Asia Tenggara adalah wajar dibuat satu jawatankuasa pemilih yang bebas terdiri daripada pakar-pakar pelajaran akademik dalam negara kita.

Soalan kedua, dapatkah Dewan ini mendapat tahu bahawa tokoh yang dilantik itu akan memegang jawatan-selama dua tahun, tiga tahun atau beberapa tahun dan berapakah bayaran saguhati, sama ada bayaran bulan atau tahunan bagi jawatan yang besar semacam ini di negara kita.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, untuk mencadangkan bahawa satu jemaah pemilih diadakan, cadangan itu akan disampaikan kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran untuk memberikan keputusannya.

Berkenaan masa yang diambil oleh pemegang Kerusi di Pusat Pengajian Asia Tenggara di Universiti Ohio, kalau tak silap saya masanya selama dua tahun. Sekiranya pusat pengajian atau projek yang akan dibuat itu belum dapat diselesaikan, barangkali ada kemungkinan kita akan panjangkan masa itu tetapi buat sementara telah ditetapkan dua tahun. Dan suatu hadiah akan diberi oleh Universiti Ohio, tetapi mengenai bentuk hadiah itu setakat ini belum dapat dipastikan apakah hadiah yang akan diberikan.

MAHKAMAH BARU DI RAUB, PAHANG

2. Tuan Ibrahim bin Salleh minta Perdana Menteri menyatakan sama ada bangunan baru Mahkamah di Raub, Pahang akan didirikan; jika ya, bilakah bangunan baru itu akan dibuat.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang mempunyai rancangan untuk mendirikan sebuah bangunan Mahkamah baru di Raub, Pahang. Kerja pembinaan dijangka akan dapat dimulakan pada akhir tahun 1981 ini.

INDUSTRI TEKNOLOGI JEPUN

3. Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan tindakan yang akan diambil untuk mengimpot teknologi Jepun untuk memperkembangkan industri-industri di negara kita sebagai penukaran timbangrasa oleh kerana, bahan-bahan mentah daripada negara kitalah yang menjadi nadi hidup kepada industri-industri di negara Jepun.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang menggalakkan pengimporan teknologi yang sesuai dari luar negeri termasuk juga dari negeri Jepun untuk menjayakan projek-projek perindustrian di Malaysia. Beberapa perjanjian pemindahan teknologi telahpun ditandatangani di antara syarikat tempatan dengan pembekal teknologi asing dan dalam hal ini negeri Jepun merupakan negeri yang telah menandatangani perjanjian yang terbanyak sekali dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tahun 1970-1979, negeri Jepun telah menandatangani sejumlah 176 perjanjian iaitu 35% daripada jumlah 496 perjanjian yang telah ditandatangani dengan negara-negara asing.

Berkenaan bahan-bahan mentah pula, adalah menjadi Dasar Kementerian saya untuk menggalakkan dan memajukan industri-industri yang menggunakan bahan-bahan mentah dalam proses pengeluarannya. Malaysia lebih berminat untuk menggalakkan pemerosesan bahan-bahan mentah sehingga ke peringkat keluaran penghabisan (finished product) untuk dieksport daripada mengeksport bahan-bahan mentahnya ke luar negeri untuk diproses oleh negara-negara asing.

Memandangkan demikian, perkara penukaran timbangrasa (trade-off) di antara pemindahan teknologi dari negeri Jepun dengan bahan-bahan mentah dari Malaysia tidaklah timbul.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri berkenaan iaitu nampaknya Malaysia ini

mengeluarkan bahan mentah dengan banyak dan mengikut Timbalan Menteri itu kebanyakan bahan mentah Malaysia semua dihantar ke luar negeri untuk diproses. Tidakkah ada cadangan Kerajaan Malaysia sebagai sebuah Kerajaan yang bermaruah dan berdaulat patut juga memproses satu-satu jenis barang mentah atau dibuat dalam negara kita ini. Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah atau tidak cadangan untuk memproses bahan-bahan mentah dalam negara kita ini, kalau tidak semua, sebahagian yang menasabah.

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya kata tadi memang sudah jadi dasar Kerajaan untuk memproseskan bahan-bahan mentah seberapa banyak yang boleh di dalam negeri, umpamanya kayu-kayan. Ada satu masa kita mengeksportkan kayu balak sahaja tetapi sekarang di Semenanjung Malaysia pengeksporan kayu balak telah diberhentikan dan pada masa sekarang kita menggalakkan pemerosesan dalam kayu-kayan sehingga ke perabut dan sebagainya, juga pada barang-barang mentah yang lain seperti minyak kelapa sawit yang pada masa dahulu cuma minyak kelapa sawit mentah. Sekarang kita ada memproses untuk minyak 'Sterin' dan 'Olein' dan juga sampai sekarang lebih 'downstream'. Ini ialah satu kejayaan yang boleh dikatakan memuaskan kalau kita banding dengan barang-barang yang dieksport dari negara kira-kira dalam tahun 1960an dan 1970an yang mana barang buatan (Manufactured goods) telah jadi 22% dari barang-barang yang dieksport daripada negara kita ini.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamed: Saya hendak bertanya ada atau tidak rancangan pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran oleh kerana negara Malaysia ini sangat-sangat berkehendakkan kepada teknologi itu, iaitu kekurangan teknologi sebagaimana yang dikatakan tadi. Kita berkehendakkan kepada pelajar-pelajar kita sendiri mempelajari teknologi untuk memajukan teknologi kita, jadi tidakkah ada rancangan daripada pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bersama-sama dengan Kementerian Pelajaran menghantarkan pelajar-pelajar kita supaya

membanyakan pelajar-pelajar kita belajar di negeri Jepun di dalam bahagian teknologi ataupun dibukakan peluang supaya guru-guru daripada negeri itu datang ke Malaysia ini mengajar teknologi itu?

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, memang ada perhubungan rapat atau erat di antara Kementerian saya dan Kementerian Pelajaran, ini ialah dikatakan 'formal education' iaitu pendidikan vokasional dan teknikal. Tetapi selain daripada itu syarikat-syarikat yang menubuhkan kilang di Malaysia telah diadakan syarat yang mana pekerja-pekerja bukan sahaja dapat training atau latihan di dalam faktori tetapi dihantar ke faktori di ibu negara itu dan dengan ini kita boleh meninggikan kemahiran di antara pekerja-pekerja yang ada di Malaysia supaya kita boleh mendapat faedah daripada pemindahan teknologi itu.

Dato Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut bahawa eksport kita sekarang telah bertambah daripada masa yang lalu, jadi bolehkah saya dapat penjelasan adakah eksport kita yang bertambah ini hasil daripada penukaran teknologi daripada negeri Jepun, ataupun hasil daripada production cost di negeri Jepun telah naik dan negeri-negeri lain telah naik dan oleh itu eksport kita bertambah?

Yang kedua, adakah Kerajaan berpuas hati dengan kadar kelajuan (speed) kemajuan yang dicapai menerusi penukaran teknologi ini?

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, perkembangan eksport barang-barang muatan ialah hasil bukan daripada pemindahan teknologi sahaja tetapi dasar Kerajaan untuk menggalakkan pemerosesan bahan-bahan mentah di Malaysia dan juga atas comparative cost advantage yang kita ada untuk menggunakan bahan-bahan mentah yang mudah didapati di Malaysia dan boleh didapati dengan lebih murah kalau kita banding misalnya dengan membeli getah daripada Malaysia yang kena eksport ke negeri-negeri Jepun atau Eropah tetapi kilang-kilang di sini boleh dapat getah asli

literally di tepi pintu. Ini ialah satu faktor yang mana kita boleh menggalakkan pengeksportan barang muatan.

Kedua, mengenai kadar kemajuan pemindahan teknologi, ini bukan satu perkara yang kita dapat mencapai kemajuan dengan senang sahaja sebab pemindahan teknologi iaitu satu proses yang mana kita boleh menggunakan teknologi-teknologi baru untuk keadaan yang ada di Malaysia kita ini dan kita pun sekarang telah maju kepada satu peringkat yang mana dalam masa dahulu kita cuma ada assembly, sekarang kita telah naik taraf itu dengan component manufacture. Ini ialah satu peringkat yang mana kita boleh menggunakan teknologi untuk mengupgradekan teknologi di Malaysia kita ini.

TUNJUK PERASAAN PELAJAR-PELAJAR MAKTAB PERGURUAN KENT

4. Tuan Haji Azlan Kinjawan minta Menteri Pelajaran menyatakan motif tunjuk perasaan pelajar-pelajar Maktab Perguruan Kent, Tuaran, pada 20hb Mei, 1981, dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian supaya perkara-perkara serupa ini tidak berulang lagi.

Dato Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, tunjuk perasaan pelajar-pelajar Maktab Perguruan Kent, Tuaran pada 20hb Mei, 1981 itu adalah berpunca dari 21 tuntutan-tuntutan yang telah mereka kemukakan dalam memorandum kepada Pengetua maktab pada 13hb Mei, 1981 akibat dari salah faham mereka mengenai pentadbiran Pengetua itu. Setelah diadakan pertemuan antara pihak Bahagian Latihan Guru dengan pihak pelajar, maka tuntutan-tuntutan sebanyak 21 itu hanya tinggal 2 sahaja, iaitu:

- (i) Pengetua maktab hendaklah disingkirkan 2 minggu dari tarikh tuntutan terakhir dibuat;
- (ii) Maktab Perguruan Kent hendaklah diisytiharkan sebagai maktab khas untuk melatih pelajar-pelajar yang hanya terdiri daripada bumiputra Sabah sahaja.

Sebenarnya tindakan-tindakan mengenai tuntutan-tuntutan para pelajar itu telah

terlebih dahulu diambil oleh Pengetua maktab. Kelambatan terlaksananya tuntutan-tuntutan itu adalah disebabkan oleh faktor-faktor yang di luar kawalan beliau. Dengan demikian, tuntutan mereka agar Pengetua maktab disingkirkan adalah tidak berasas sama sekali

Tuntutan untuk menjadikan Maktab Perguruan Kent khas bagi melatih pelajar-pelajar bumiputra Sabah sahaja tidak seharusnya timbul kerana sehingga hari ini inilah yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran. Malah untuk mendapatkan bilangan calon-calon yang cukup, maka syarat kelayakan masuk terpaksa direndahkan.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat sejak 1hb Januari, 1981 maktab-maktab perguruan di Sabah dan Sarawak telah diambilalih pentadbirannya dari Jabatan Pelajaran Negeri oleh Bahagian Latihan Guru, Kementerian Pelajaran. Dengan ini, pihak Kementerian akan mengambil segala langkah-langkah untuk menyelaraskan maktab-maktab di kedua-dua buah negeri itu dengan maktab-maktab di Semenanjung Malaysia agar kemudahan-kemudahan yang sama dapat mereka nikmati. Dengan ini, diharapkan mutu latihan semua maktab-maktab perguruan adalah setarafnya.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Soalan tambahan, tidakkah ada jalan untuk menghapuskan langsung semangat murid-murid yang suka menunjuk perasaan? Kedua, jika ada bila masanya akan bertindak, dan jika belum, bilakah pula masanya kerana sekarang penghormatan murid-murid kepada guru-guru amatlah kurang?

Dato Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, memanglah langkah-langkah ada diambil oleh Kementerian Pelajaran bukan sahaja kepada murid-murid di sekolah tetapi di institusi-institusi tinggi serta pengajian tinggi pun kita ada membuat berbagai-bagai langkah dengan ketatnya supaya kelakuan itu tidak dapat dilakukan. Untuk kes berkenaan dengan Maktab Perguruan, oleh kerana semua pelajar-pelajar ini adalah lepasan tingkat sekolah menengah jadi kita berharap sungguhpun manusia barangkali ada kelemahan atau kekurangan, tetapi walau bagaimanapun kita berharap dengan apa yang

telah dijalankan oleh latihan-latihan guru dan kita pun ada mengambil langkah-langkah yang dikatakan oleh Senator tadi, kita berharap supaya perkara ini tidak berlaku lagi di masa akan datang.

LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SUBANG—KEMUDAHAN

5. **Dato' Yap Peng** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kemudahan-kemudahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang masih belum mencapai taraf antarabangsa dan jika sedar nyatakan tindakan jangka pendek dan jangka panjang beliau akan ambil untuk menjaga dan mengharumkan imej Malaysia untuk menarik lebih ramai pelancung dan pelabur ke negeri ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa kemudahan-kemudahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang tidaklah lagi mencukupi bagi menampung keperluan penerbangan antarabangsa dan dalam negeri. Oleh demikian, sebanyak \$194 juta telah diperuntukkan untuk memodenkan dan membesarkan lapangan terbang ini.

Kerja-kerja sedang dijalankan untuk mengubahsuaikan bangunan terminal yang ada sekarang dengan membesarkan Dewan Ketibaan dan Dewan Keberangkatan bagi perkhidmatan udara dalam negeri dan antarabangsa. Satu sistem elektronik bagi mengumumkan ketibaan dan keberangkatan pesawat penerbangan akan dipasangkan.

Sistem pengendalian beg-beg penumpang akan ditambahkan menjadi ianya lima saluran keluar dan lima saluran masuk berbanding dengan yang ada sekarang, iaitu cuma tiga saluran masuk dan dua saluran keluar. Dua belas buah "nose-loaders" atau "aerobridges" akan dipasangkan untuk mengendalikan penumpang-penumpang keluar dan masuk dengan selesa dan selamat. Tempat meletak kapal terbang akan dibesarkan dari 14 ke 22 buah tempat letak kapal terbang.

Satu bangunan terminal yang kedua telahpun dibina dan dijadualkan dapat digunakan mulai bulan Ogos 1981. Bangunan

terminal yang kedua ini akan dapat mengurangkan kesesakan operasi dan pengendalian penumpang di bangunan terminal lama apabila kerja-kerja pengubahsuaian secara besar-besaran dijalankan ke atas terminal lama kelak.

Dengan kerja-kerja pembaikan tersebut Lapangan Terbang Subang akan mencapai taraf antarabangsa dan dengan demikian adalah diharapkan pelancung dan pelabur asing datang ke tanahair kita.

UBAT SUNTIKAN INSULIN

6. **Puan Hasanah binti Mohd. Kassim** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah benar iaitu ubat suntikan untuk penyakit kencing manis ada mengandungi campuran dari babi.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa ubat suntikan "insulin" bagi rawatan penyakit kencing manis boleh diproses dari pankreas lembu ataupun babi.

Stok ubat suntikan "insulin" yang disimpan oleh Kementerian Kesihatan sebagai stok biasa adalah dari pankreas lembu sahaja. Semua stok-stok "insulin" mempunyai pelekat-pelekat bagi menunjukkan bentuk isi kandungannya dengan terang dan semua kakitangan-kakitangan telah diberi arahan untuk memberikan perhatian yang khusus kepada perkara ini.

Apa jua "insulin" yang diproses dari pankreas babi dihadkan penggunaannya kepada pesakit-pesakit bukan Islam sahaja.

PENDATANG HARAM

7. **Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan hasil dari pemeriksaan dan penyiasatan yang telah dijalankan di atas pendatang haram, orang pelarian dan nyatakan:

- (i) bilangan di antara mereka pengintip, pelarian tentera dan amnya anasir-anasir yang tidak diingini;
- (ii) jenis dan banyak senjata merbahaya yang dapat dijumpai pada mereka itu; dan

- (iii) tindakan yang diambil ke atas mereka yang terlibat,

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan-soalan Ahli Yang Berhormat adalah seperti berikut:

- (i) Tidak ada pengintip di kalangan pendatang haram. Walau bagaimanapun didapati 17 orang di antara pendatang-pendatang haram itu adalah bekas anggota pangkat rendah pasukan keselamatan Vietnam;
- (ii) Jenis-jenis senjata yang dijumpai semenjak 30hb Mei, 1975 hingga 31hb Mei, 1981 adalah machine gun, rifle, pistol, bom tangan, pelancar roket, penangkis kereta kebal dan peluru-peluru;
- (iii) Oleh kerana mereka membawa senjata-senjata ini untuk menjaga keselamatan mereka dalam perjalanan, maka tindakan yang diambil ialah dengan merampas semua senjata yang dibawa oleh pendatang-pendatang haram sementara mereka tidak dihukum.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan K. Kumaran.

Tuan V. V. Aboo: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 8.

PENGAMBILAN PENUNTUT-PENUNTUT KE UNIVERSITI

8. Tuan V. V. Aboo (di bawah S. O. 23(2)) minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan penuntut yang diambil untuk mengikuti berbagai pengajian di kelima-lima Universiti tempatan bagi sesi 1981/1982 dengan memberi pecahan angka mengikut kaum dan pengajian.

Dato Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, bilangan pengambilan penuntut-penuntut ke Universiti-universiti tempatan bagi sesi 1981/1982 di berbagai bidang pengajian mengikut kaum belum dapat diketahui lagi kerana urusan pendaftaran pelajar-pelajar belum lagi diselesaikan.

BRUNEI DAN PAPUA NEW GUINEA MENYERTAI ASEAN

9. Tuan Tan Chang Soong minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada betul atau tidak bahawa Brunei dan Papua New Guinea akan memasuki ASEAN. Jika betul, apakah criteria-criteria untuk menerima negeri-negeri ini oleh ASEAN: jika tidak betul, mengapa dan sama ada perkara ini ada pertalian ke atas soalan permohonan Sri Lanka sebagai ahli ASEAN.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, Brunei dan Papua New Guinea setakat ini masih belum lagi secara rasmi mengemukakan permohonan mereka untuk menyertai ASEAN. Walau bagaimanapun kedua-dua negara tersebut telahpun dijemput sebagai pemerhati di Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN di Manila baru-baru ini.

Kemasukan mana-mana negara ke dalam Pertubuhan ini haruslah ditimbang dengan teliti oleh Menteri-menteri Luar ASEAN pada masa akan datang selepas meneliti laporan yang akan disediakan oleh Pegawai-pegawai Kanan ASEAN yang telah diberi mandat oleh Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN yang ke 14 di Manila untuk mengkaji soal-soal kemasukan anggota-anggota baru, termasuk juga soal criteria sebagai status Pemerhati, sebagai negara-negara dialogue dan status-status yang lain.

Permohonan Sri Lanka untuk menjadi Ahli akan ditimbang selepas laporan Pegawai-pegawai Kanan ASEAN dikemukakan ke Menteri-menteri Luar ASEAN di Singapura pada tahun hadapan ini.

PELABUHAN BEBAS PULAU PINANG

10. Tuan Lee Jong Ki minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan akan mempertimbangkan untuk memulihkan kedudukan Pelabuhan Bebas Pulau Pinang, memandangkan kegiatan perniagaan di Pulau Pinang ini sudah merosot.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah beberapa kali dibangkitkan dalam Dewan ini dan juga dalam Dewan Rakyat.

Suka saya menegaskan bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk mengembalikan taraf Pelabuhan Bebas kepada Pulau Pinang.

KEMUDAHAN SOSIAL KEPADA PEKERJA LADANG

11. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan bahawa pihak pengurusan ladang-ladang kecil memperbaiki kemudahan-kemudahan sosial dan asas kepada pekerja-pekerja ladang mereka dan juga memperbaiki gaji yang dibayar yang mana adalah lebih rendah daripada kadar bayaran yang diberi kepada pekerja-pekerja di ladang-ladang yang lebih besar.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, di bawah undang-undang majikan ladang tidak dikehendaki memberi kemudahan-kemudahan sosial kepada pekerja-pekerja mereka. Ladang-ladang yang menyediakan kemudahan-kemudahan tersebut adalah menjalankannya secara sukarela. Walau bagaimanapun, tuan-tuan punya ladang kecil tidak dapat berbuat demikian oleh sebab yang tertentu seperti kekurangan wang, kedudukan ladang-ladang dan lain-lain.

Kementerian saya, walau bagaimanapun, akan berusaha sedaya upaya untuk menggesa tuan-tuan punya ladang untuk menyediakan kemudahan-kemudahan asas sosial bagi faedah pekerja-pekerja mereka.

Mengenai kadar gaji yang dibayar adalah benar bahawa pekerja-pekerja di ladang-ladang yang kecil menerima gaji yang agak rendah jika dibandingkan dengan pekerja-pekerja di ladang-ladang yang besar. Ini disebabkan kerana kebanyakan ladang-ladang yang besar di negara ini adalah menjadi ahli Persatuan Pengeluar-pengeluar Pertanian Malaysia (MAPA) dan yang demikian adalah terikat dengan kadar gaji seperti yang telah dipersetujui dalam perjanjian bersama dengan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang. Kebanyakan ladang-ladang yang kecil tidak menjadi ahli MAPA dan dengan itu tidak dipaksa untuk mematuhi peraturan di dalam perjanjian bersama

Walaupun bagaimanapun, pegawai-pegawai dari Kementerian saya menjalankan pemeriksaan kepada kesemua tempat-tempat kerja termasuk di ladang-ladang dan majikan-majikan adalah sentiasa digesa dan dinasihati supaya membayar gaji yang berpatutan kepada pekerja-pekerja buruh.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan. Apabila kita mempersoalkan pekerja-pekerja ladang terutama sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri, ladang-ladang kecil, maka saya rasa satu perkara yang berpatutan Kementerian Buruh sekurang-kurangnya menghadkan secara minima bagi gaji buruh ladang dalam negeri ini sebab ada ladang-ladang dalam negeri ini yang memberi gaji terlampau kecil. Saya rasa ini bukan sahaja amat tidak berpatutan tetapi memalukan negara. Malaysia sebagai negara yang makmur berpatutanlah gaji di semua peringkat terutama di kampung-kampung orang yang berpendapatan terlalu kecil pada hemat saya sudah sampai masanya Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyelaraskan ini sehabis-habis rendahnya gaji dalam ladang-ladang kecil di Malaysia ini ditentukan supaya tidak menjadi bahan kepada rakyat yang miskin mengatakan nasib mereka tidak terbelah.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu yang telah membangkitkan soal dasar gaji minima dan keseluruhannya untuk negara kita.

Walaupun bagaimanapun, dasar gaji minima ini pun telah dikaji dengan teliti dan sedang dikaji juga mengikut keadaan ekonomi negara ini yang bertukar-tukar dari masa ke semasa. Pada masa ini juga belum ada keputusan untuk membuat satu dasar gaji minima kerana sebab-sebab yang tertentu yang telah membuatkan gaji minima itu tidak praktik pada masa ini. Walau bagaimanapun, kita akan terus menerus meneliti cadangan ini supaya pada masa akan datang sekiranya terdapat perlu dan terdapat praktik maka kemungkinan untuk menggubal satu dasar seperti itu akan dijalankan.

Buat masa sementara ini, saya suka memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini

bahawa walaupun begitu gaji-gaji yang kecil yang terdapat di dalam ladang-ladang yang kecil itu sentiasa diambil perhatian dan apabila sahaja kita mendapat aduan ataupun rayuan daripada golongan pekerja-pekerja di dalam ladang-ladang itu maka pegawai saya dengan serta-merta diarah supaya membuat siasatan yang rapi supaya satu-satu langkah yang perlu dapat diambil untuk membaiki keadaan yang kurang diingini ini.

LPN—SYARAT KEPADA PEMBORONG BERAS

12. Tuan Abdullah bin Salleh minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa tindakan LPN mengenakan syarat-syarat yang terlalu ketat kepada pemborong-pemborong beras bukan sahaja merumitkan kepada pemborong, malah dapat disifatkan sebagai suatu langkah untuk menyekat perniagaan jual beli beras yang dijalankan oleh pemborong-pemborong bumiputra yang bermodal kecil, dan jika sedar adakah Kerajaan akan mengkaji balik syarat-syarat yang dikenakan itu.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, peraturan-peraturan yang diadakan oleh LPN adalah bertujuan untuk menjamin kestabilan keadaan bekalan beras pada peringkat harga beras seperti yang ditentukan oleh Kerajaan bagi faedah pengguna-pengguna terutamanya rakyat yang berpendapatan rendah. Peraturan-peraturan yang diadakan tidak sekali-kali bertujuan merumitkan dan menyekat perniagaan-beras oleh mana-mana pemborong.

Di antara peraturan yang dimaksudkan ialah menghendaki pemborong-pemborong melaporkan kepada LPN dengan memberi maklumat mengenai pekedai-pekedai runcit yang telah membeli beras yang mereka telah perolehi dari LPN. Peraturan-peraturan ini hanya berkuatkuasa seketika sahaja dan telahpun ditarik balik. Ianya telah diadakan untuk mengatasi perbuatan tidak sihat di antara peniaga-peniaga beras seperti jualan beras bekalan dari LPN oleh satu-satu pemborong kepada pemborong yang lain. Kegiatan peniaga-peniaga beras yang berbentuk speculator adalah semata-mata untuk menimbulkan suasana pasaran yang tidak

stabil dan dari keadaan demikian bolehlah mereka melakukan perbuatan-perbuatan yang boleh mendatangkan keuntungan yang berlebihan. Sukacita dimaklumkan bahawa dalam penjualan beras oleh LPN keistimewaan sentiasa diberi kepada pemborong-pemborong bumiputra terutamanya dalam bentuk bekalan dan juga jualan secara kredit dengan jangka masa yang lebih panjang.

PERUNTUKAN MENANAM SEMULA PEKEBUN-PEKEBUN KECIL

13. Dr Choo Kooi Fook minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) jumlah peruntukan menanam semula untuk pekebun-pekebun kecil di seluruh Semenanjung Malaysia memandangkan bahawa daerah Baling sahaja telah menelan sebanyak \$14 juta; dan
- (b) adakah rancangan ini dalam kawalan ketat bagi menentukan projek ini sungguh-sungguh berjaya.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, jumlah peruntukan menanam semula untuk pekebun-pekebun kecil di seluruh Semenanjung Malaysia bagi tempoh RME ialah sebanyak \$336.8 juta. Peruntukan bagi Daerah Baling, Kedah ialah \$14 juta. Dari jumlah tersebut \$8.6 juta adalah untuk program Tanam Semula, Tanam Baru dan Tanam Semula Kali Kedua. Baki Peruntukan Daerah Baling sebanyak \$5.4 juta adalah untuk program-program lain RISDA.

(b) Kawalan yang ketat sentiasa diambil bukan sahaja di peringkat kebangsaan, tetapi juga di peringkat negeri dan wilayah untuk menjamin kejayaan semua program tanam semula. Pejabat-pejabat RISDA sentiasa mengawasi keseluruhan program tersebut di samping kawalan ketat perlaksanaannya di negeri-negeri yang berkenaan.

BENCANA LAUT MERAH DI TELUK BRUNEI

14. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar

menyatakan sebab-sebab kejadian laut merah atau "Red Tide" yang kerap kali berlaku di Teluk Brunei dan sama ada beliau sedar kerap kali berlaku bencana laut merah ianya telah menjejaskan mata pencarian nelayan-nelayan di sekitar Kuala Lawas, Awat-awat, Sipitang, Weston, Menumbok, Kuala Penyu dan Labuan akibat kerang-kerang dan ikan-ikan beracun.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar atas masalah bencana laut merah yang berlaku dari masa ke semasa di perairan Teluk Brunei yang sedikit sebanyak mengancam terhadap kaum nelayan di kawasan-kawasan sekitarnya. Kejadian ini pada lazimnya berlaku di kawasan perairan Tropika dan sub-Tropika.

Setakat ini tiada cara atau kaedah yang berkesan untuk menjaga berlakunya bencana ini. Pada pendapat umum di kalangan para saintis dunia yang mengatakan bahawa perkara ini berlaku disebabkan oleh fenomena semula jadi (natural causes) yang mana ianya boleh menjadi lebih buruk dengan adanya pelepasan zat-zat neutron ke perairan laut berkenaan.

Kejadian ini dipercayai dapat dikurangkan dengan pelaksanaan beberapa peraturan-peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, iaitu Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-effluen Perindustrian 1979), Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling Premis Yang Ditetapkan Minyak Kelapa Sawit Mentah 1977 dan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling Premis Yang Ditetapkan Getah Asli Mentah 1978 yang sedang dikuatkuasakan dengan lebih berkesan dengan wujudnya pejabat-pejabat wilayah di Sabah sejak 15hb Mac, 1981 dan Sarawak sejak 1hb Januari, 1981. Pelepasan kumbahan dan lain-lain buangan perindustrian akan dikawal. Selain daripada itu Kementerian saya sedang giat merangka peraturan-peraturan bagi mengawal pencemaran laut yang mempunyai kesan dalam usaha untuk mengatasi perkara ini.

BANK MATA—BILANGAN PENDERMA

15. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah: minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (i) berapa jumlah bilangan penderma mata yang diterima oleh Bank Mata di Hospital Besar Kuala Lumpur;
- (ii) adakah penderma mata yang telah berikrar semasa hidupnya untuk menderma mata mereka telah menepati ikrar mereka; dan
- (iii) adakah ditubuhkan Bank-bank Mata di Hospital Besar di tiap-tiap negeri.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa:

- (i) Jumlah bilangan penderma mata yang diterima oleh Bank Mata di Hospital Besar Kuala Lumpur ialah 2,080 orang.
- (ii) Pada setakat ini dua orang penderma mata yang telah berikrar untuk mendermakan mata telah berbuat demikian selepas kematian.
- (iii) Pada ketika ini kemudahan Bank Mata ada disediakan di Hospital Besar Kuala Lumpur. Ini difikirkan memadai untuk menampung kehendak penderma mata di kala ini. Sekiranya keperluan meningkat maka Kementerian akan menambah lagi kemudahan tersebut di masa depan. Walau bagaimanapun, buat masa ini mata yang telah didermakan dari negeri-negeri lain boleh dihantar ke Bank Mata Hospital Besar Kuala Lumpur.

Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dari jumlah tadi, berapakah jumlah orang-orang yang telah menerima dan dapat bantuan mata baru.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, baru dalam bulan Mei ini ada dua orang pesakit yang dapat mata yang datang dari orang yang menderma matanya dan kedua-dua pun dapat kejayaan dan mereka bolehlah melihat sekarang.

WANITA DALAM ANGKATAN TENTERA

16. **Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) sama ada wanita diberi peluang untuk menyertai Angkatan Tentera sama seperti penyertaan kaum laki-laki di dalam angkatan darat, laut dan udara; jika ya, sebutkan peluang-peluang yang telah diberi kepada wanita dalam angkatan tentera dan nisbah (jika ada) antara pengambilan tentera laki-laki dan wanita;
- (b) sebab-sebabnya perkara penyertaan wanita dalam angkatan tentera itu tidak diambil persetujuan Parlimen dan dibahas secara terperinci.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, penyertaan anggota-anggota wanita di dalam semua bahagian Perkhidmatan Angkatan Tentera adalah diberi layanan yang sama seperti yang diberikan kepada anggota laki-laki. Cara pemilihan dan latihan ketenteraan adalah tidak ada bezanya di antara anggota lelaki dan wanita.

Anggota-anggota wanita juga mempunyai peluang-peluang dan hak-hak yang sama juga dari segi kursus, lanjutan dan kenaikan pangkat. Tidak ada konsep diskriminasi di dalam Angkatan Tentera. Peluang kenaikan pangkat bukanlah berdasarkan kepada sesuatu kriteria seperti jantina misalnya, tetapi adalah secara yang objektif, iaitu berasaskan kepada kriteria-kriteria yang berikut:

- (i) kelayakan yang diperlukan dalam jawatan yang berkenaan;
- (ii) kebolehan pegawai tersebut memenuhi semua syarat-syarat yang diwajibkan seperti lulus peperiksaan dan mengikuti kursus-kursus yang ditetapkan; dan
- (iii) kekosongan perjawatan.

Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menambahkan lagi bilangan wanita menyertai Angkatan Tentera hingga mencapai nisbah 4 peratus di dalam Angkatan Tentera.

Bagi menjawab soalan (b), penyertaan wanita di dalam Angkatan Tentera memang tidak dibahas secara terperinci di dalam Parlimen. Ini adalah kerana pengambilan anggota wanita di dalam Angkatan Tentera adalah sama seperti pengambilan wanita di dalam perkhidmatan-perkhidmatan awam yang lain.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kerajaan bersedia mengeneipkan sedikit peraturan itu supaya membolehkan wanita ini naik pangkat lebih cepat. Kalau mengikut sekarang ini 10 tahun lagi seseorang wanita tidak boleh dapat Brigadier dan Jeneral sebab dia masuk kemudian. Jadi untuk jangan mengekalkan tak ada diskriminasi, kalau yang ada sekarang ini dunia memandang kita ada diskriminasi. Bolehkah wanita itu dicepatkan memandang kelayakannya mencapai ke tingkat yang lebih tinggi, sekurang-kurangnya Brigadier-Jeneral ataupun Leftenan-Jeneral.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, ini terpulanglah kepada kebolehan seseorang pegawai wanita itu dan sekiranya ada pegawai-pegawai wanita yang benar-benar boleh dinaikkan pangkat kepada apa juga jawatan, saya percaya Majlis Angkatan Tentera akan boleh menimbangkannya.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Soalan tambahan. Sekarang ini di dalam Angkatan Tentera ada 3 angkatannya, iaitu Angkatan Laut, Angkatan Udara dan Darat. Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian, umpamanya di dalam Angkatan Udara ada Pasukan Payung Terjun (parachute), daripada jawapan tadi menunjukkan 4% daripada tentera wanita akan diambil, bererti pihak wanita juga akan diadakan Pasukan Tentera Payung Terjun, adakah begitu maksudnya? Kalau begitu sama juga Tentera Laut akan diambil, yang bererti wanita akan berganding bahu dengan lelaki di dalam Pasukan Tentera Laut yang akan berkhidmat di dalam sebuah kapal perang misalnya lelaki dan perempuan. Adakah begitu maksudnya?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, itu terpulanglah kepada minat anggota-anggota wanita yang akan

memasuki Angkatan Tentera. Kalau mereka itu berminat memasuki menjadi Ahli Payung Terjun, pihak Kementerian tidak ada apa-apa halangan ataupun kalau mereka ingin menjadi Ahli TLDM, itu pun tidak ada apa halangan. Pada masa ini kita ada Pasukan Reserved TLDM yang mengandungi wanita juga.

HARGA GULA DI PASARAN

17. **Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) sebab-sebabnya harga gula di pasaran dunia turun sekarang; dan
- (b) sebab-sebabnya Kerajaan tidak membuat apa-apa kenyataan berkenaan turunnya harga gula.

32. **Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) sebab-sebabnya semasa harga gula dinaikkan dahulu kenaikannya hampir-hampir 100% tetapi apabila harganya turun, amaun yang terlibat hanyalah 5 atau 10 sen sahaja; dan
- (b) pihak mana yang memainkan peranan yang penting dalam turun naiknya harga gula di Malaysia.

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan No. 32 mengenai perkara yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebab-sebab utama harga gula di pasaran dunia turun ialah seperti berikut:

- (i) penurunan permintaan untuk gula akibat harga gula mentah yang tinggi di pasaran dunia yang telah ujud kira-kira setahun dahulu. Dalam bulan Oktober, 1980 anggaran permintaan dunia bagi tahun 1980/1981 ialah 92 juta tan metrik. Anggaran yang terbaharu ialah 86.5 juta tan metrik, iaitu kemerosotan kira-kira 5.5 juta tan metrik;
- (ii) Kemerosotan harga barangan utama akibat dari kemelesetan ekonomi dunia; dan
- (iii) Keteguhan nilai matawang US Dollar.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa apabila Kerajaan meluluskan kenaikan harga gula pada bulan Januari, 1981 kenaikannya merupakan hampir-hampir 100% seperti mana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sebaliknya kenaikan dari 75 sen sekati ke \$1.05 sen sekati hanya merupakan kenaikan sebanyak 40%.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan baru-baru ini telah menurunkan harga gula dengan kadar 10 sen pada 15-6-1981. Kerajaan hanya membuat pengumuman baru-baru ini kerana walaupun harga gula mentah di pasaran dunia menurun sejak bulan Mac, 1981, harganya hanya jatuh ke bawah paras yang ditetapkan oleh Kerajaan dalam bulan April, 1981. Memandangkan penurunan inilah maka Kerajaan telah membuat keputusan untuk mengkaji kesan penurunan harga ini terhadap kos pengeluaran gula dalam negara.

Dari kajian yang dibuat didapati bahawa penapis-penapis gula telah membuat perjanjian membeli gula mentah dari pasaran dunia pada akhir tahun lepas dan pada awal tahun ini iaitu semasa harga gula mentah di pasaran dunia masih tinggi. Dengan itu mereka tidak dapat menurunkan harga runcit tempatan tanpa menanggung kerugian. Walau bagaimanapun, atas permintaan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, penapis-penapis gula telah bersetuju untuk menurunkan harga gula pasir runcit sebanyak 10 sen sekati menjadikannya 95 sen sekati di Semenanjung Malaysia dan \$1.00 sekati di Sabah dan Sarawak mulai 15-6-1981.

Ahli Yang Berhormat itu juga ingin tahu mengapa harga gula diturunkan setakat 10 sen sahaja walaupun harga gula mentah di pasaran dunia telah menurun lebih kurang 44%.

Sukacita saya memberi sedikit sebanyak maklumat latar belakang tentang perkara ini. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum gula mentah merupakan satu hasil pertanian di mana turun naik harganya adalah 'volatile' dan mendadak. Umpamanya, harga gula mentah dunia adalah \$1,200 setan metrik pada bulan April, 1980 tetapi harga ini telah meningkat kepada kira-kira \$2,000 setan metrik dalam bulan Oktober, 1980. Ini menunjukkan dalam masa 6 bulan sahaja

harga gula mentah telah meningkat sebanyak 67% sebaliknya dalam bulan Mac, 1981 pula harga gula mentah telah menurun kepada \$1,200 setan metrik dan harga ini turun lagi ke paras \$880 setan metrik dalam bulan Mei, 1981 iaitu menurun sebanyak 56% jika dibandingkan dengan harga pada bulan Oktober, 1980. Dan pada awal bulan Jun, 1981 iaitu bulan ini harga gula mentah telah meningkat sekali lagi kepada lebih kurang \$1,000 setan metrik. Nyatalah harga gula mentah di pasaran dunia adalah 'volatile' dan dengan itu adalah sukar bagi mana-mana pihak untuk meramalkan harga gula mentah bagi masa-masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat gula mula memohon kebenaran menaikkan harga gula pada bulan Oktober, 1980 tetapi permohonan itu hanya diluluskan pada bulan Januari, 1981. Dalam tempoh itu pengguna-pengguna hanya membayar 75 sen sekati walaupun berdasarkan kepada harga gula mentah di pasaran dunia pada ketika itu pengguna-pengguna terpaksa membayar dengan harga yang jauh lebih tinggi iaitu hampir-hampir dua kali ganda. Kedudukan harga gula runcit dapat dikekalkan pada paras 75 sen sekati dalam tempoh itu adalah disebabkan oleh dua faktor:

- (i) Syarikat-syarikat gula telah meresap sebahagian kenaikan kos sehingga mereka menanggung kerugian;
- (ii) Perjanjian jangka panjang yang dibuat oleh Kerajaan dengan Kerajaan-kerajaan Australia dan Fiji.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat gula tidak dapat terus menanggung kerugian sejak bulan Oktober, 1980. Mereka terpaksa memberitahu Kerajaan bahawa sekiranya harga gula tidak dinaikkan mereka tidak mampu membeli gula mentah dari pasaran dunia di mana harganya adalah sangat tinggi. Oleh sebab itu Kerajaan, selepas membuat kajian yang teliti dan didapati rayuan mereka itu adalah benar, telah membenarkan harga gula dinaikkan ke paras \$1.05. Harga runcit ini masih rendah sekiranya berbanding dengan harga gula mentah di pasaran dunia pada masa itu iaitu lebih kurang \$1,400 setan metrik atau \$1.20 sekati. Sekali lagi perjanjian jangkamasa panjang Malaysia telah

mbolehkan harga gula dijual pada paras yang lebih rendah.

Di sini sukacita saya menjelaskan sekali lagi iaitu harga gula di negara ini adalah bergantung kepada empat faktor utama iaitu:

- (i) Harga gula mentah di bawah perjanjian jangka panjang;
- (ii) Harga gula ladang gula tempatan;
- (iii) Harga gula mentah yang diimport dari pasaran dunia; dan
- (iv) Kos penapisan dan pengedaran gula.

Walau bagaimanapun, hanya faktor (iii) iaitu harga gula mentah yang diimport dari pasaran dunia sahaja yang akan mempengaruhi harga gula runcit dalam jangka masa pendek. Memandangkan harga gula adalah begitu 'volatile' Kerajaan, sejak tahun 1974 telah menetapkan supaya sebahagian daripada keperluan negara untuk gula mentah hendaklah dibeli melalui perjanjian jangka panjang supaya harga dan bekalan gula di negara ini adalah stabil. Dan untuk tahun ini pula sebanyak 66% dari keperluan negara adalah diimport melalui kontrak jangka panjang dan 23% melalui pasaran bebas.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini perjanjian jangka panjang itu mempunyai kebaikan dan keburukannya, ada pro dan kon. Umpamanya, pada akhir tahun 1980 dan awal tahun 1981, negara kita dapat mengekalkan harga gula di paras yang rendah adalah disebabkan oleh harga perjanjian jangka-panjang yang lebih rendah dari harga pasaran dunia. Tetapi dalam bulan Mei, 1981 apabila harga di pasaran dunia turun ke bawah harga kontrak jangka panjang Kerajaan tidak dapat mengurangkan dengan serta-merta harga gula runcit atas sebab-sebab yang saya nyatakan tadi.

Walau bagaimanapun, sukacita saya jelaskan bahawa kita patut lebih mementingkan kestabilan harga dan bekalan gula dalam jangka masa panjang. Oleh kerana gula merupakan bahan keperluan orang-ramai, Kerajaan terpaksa menentukan harganya stabil dan bukanlah membiarkan harganya naik turun mengikut harga pasaran dunia.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Husain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hanya ada dua soalan sahaja.

Pertama, sukacita dinyatakan iklan terlambat daripada soalan yang saya hantar ke Parlimen. Maka dalam soalan yang pertama ini, bolehkah diturunkan lagi; jangan hanya 10 sen sahaja oleh kerana gula ini amat penting kepada masyarakat, jadi masyarakat masih memandang berat kalau hanya 10 sen sahaja walaupun seimbang harganya dengan pasaran dunia.

Kedua, dahulu di waktu gula mahal, ada salah seorang Menteri memperkatakan dan menasihati jangan makan gula banyak-banyak takut kencing manis. Adakah sekarang bercadang hendak dibuat kempen lagi bila harga gula sudah turun?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah harga gula turun lagi ini memandangkan kepada 23% yang saya katakan tadi yang penapis-penapis gula akan beli daripada pasaran dunia. Kalau itu turun lagi akan mengakibatkan kepada harga yang ada dan kemungkinan kalau harga itu turun. Tetapi seperti saya katakan tadi dalam bulan Jun harga ini telahpun naik sedikit. Jadi jawapannya ialah bergantung kepada harga pasaran dunia yang mana kita telah cuma memperolehi 23% daripada keperluan negara kita ini.

Berkenaan dengan kempen untuk menjimatkan gula atau tidak makan lebih gula atas sebab kesihatan, kempen ini masih dijalankan. Menteri Kesihatan di sebelah sayapun telah mengangguk kepala yang mana beliau kata kempen itu akan digiatkan lagi.

Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sekarang ini sedar bahawa gula daripada Thailand diseludupkan ke Malaysia pada masa ini dan jika Kementerian yang berkenaan sedar, adakah dengan cara ini boleh merosakkan kilang-kilang gula tempatan kita sendiri di Malaysia ini?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, di sempadan Malaysia dan negeri Thailand

khususnya di Kelantan ada pergolakan yang mana kadangkala gula masuk dari negeri Thailand kerana harga di Thailand murah dan di sini mahal. Ada satu masa yang mana harga gula ditetapkan 75 sen, gula diseludup masuk ke negeri Thailand sebab harganya \$1.00 lebih, sekarang telah bertukar balik, kerana harga gula kita di sini sudah naik tinggi sedikit. Jadi ini saya rasa bukan gula sahaja, ada satu masa getah, beras dan sebagainya tetapi ini terpulanglah kepada pasukan tentera dan juga unit pencegah penyeludupan untuk mengatasi masalah ini. Tetapi quantity yang masuk melalui Thailand, saya rasa tidaklah banyak dan tidak akan mengakibatkan buruk kepada bekalan gula di Malaysia kita ini.

AMANAH SAHAM NASIONAL—HARTA PUSAKA SI MATI

18. **Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar atau tidak bahawa bila si pemilik Amanah Saham Nasional meninggal dunia saham itu akan dijadikan harta pusaka si mati.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, benar apabila si pemilik Amanah Saham Nasional meninggal dunia yunit-yunit sahamnya akan dijadikan harta pusaka si mati dan pembahagiannya dibuat mengikut faraid iaitu hukum syarak seperti juga dengan harta-hartanya yang lain, umpamanya simpanan dalam bank atau tanah.

Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun: Adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan penama bagi Amanah Saham Nasional ini?

Dato Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedang dalam proses memikirkan kemungkinan untuk mengadakan sistem penama.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 19 hingga 31 dan No. 33 hingga 36 adalah diberi di bawah ini.)

SEKOLAH TAMIL DI LADANG-LADANG

19. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa masih terdapat sekolah-sekolah Tamil terutamanya di ladang-ladang yang masih uzur keadaannya dan kekurangan dari segi peralatan dan tenaga pengajar yang mahir dan nyatakan rancangan dan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengubah keadaan yang sedemikian.

Dato Chan Siang Sun: Untuk makluman Yang Berhormat kebanyakan daripada sekolah-sekolah Tamil terutamanya di ladang-ladang adalah merupakan sekolah-sekolah yang menerima bantuan modal daripada Kerajaan di mana tapak-tapak sekolah tersebut adalah dimiliki oleh pihak ladang-ladang berkenaan. Kerajaan sedar akan masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah tersebut dan Kementerian Pelajaran di bawah Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985) ini telah memperuntukkan sejumlah \$18 juta bagi membantu sekolah-sekolah Bantuan Modal di seluruh negara. Mengenai kekurangan tenaga pengajar yang mahir Kementerian Pelajaran sentiasa memberi keutamaan supaya lebih ramai lagi tenaga-tenaga pengajar yang mahir dihantar ke sekolah-sekolah luar bandar termasuk sekolah-sekolah yang berada di dalam kawasan ladang-ladang tersebut.

RUMAH PANJANG DI KAMPUNG ABDULLAH HUKUM

20. Tuan S. Subramaniam minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa keadaan kawasan rumah panjang baru di belakang Kampung Abdullah Hukum, Bangsar tidak memuaskan oleh kerana tidak ada jalan ke kawasan itu dan selalu pula dilanda banjir.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Sebenarnya memang telah wujud satu batang jalan yang memuaskan menuju ke kawasan rumah panjang di belakang Kampung Abdullah Hukum ini. Jalan ini bolehlah digunakan oleh penghuni-penghuni rumah panjang berkenaan buat sementara waktu.

Mengenai banjir kilat yang berlaku di kawasan berkenaan adalah disebabkan oleh perlimpahan air Sungai Kelang semasa hujan

lebat. Bagaimanapun langkah-langkah bagi mengatasi masalah banjir ini sedang giat dilaksanakan oleh Jabatan Parit dan Taliair Wilayah Persekutuan.

MAS—TEMPAHAN PENERBANGAN

21. Tuan S. I. Rajah minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sebab-sebab mengapa susah bagi seseorang mendapatkan tiket untuk penerbangan dalam negeri, umpamanya, Ipoh/Kuala Lumpur dan Melaka/Kuala Lumpur dan nyatakan juga sama ada MAS ada rancangan menambah jumlah penerbangan di dalam sektor tersebut; dan
- (b) sama ada MAS memberi keistimewaan bagi Ahli Parlimen membuat perjalanan untuk urusan politik yang penting; jika tidak nyatakan sama ada Menteri berkenaan boleh memberi pertimbangan pada perkara ini.

Dr Goh Cheng Teik:

- (a) Biasanya tidak ada kesulitan untuk membuat tempahan penerbangan MAS baik bagi destinasi dalam negeri ataupun luar negeri. Walaupun begitu, kesulitan mungkin timbul oleh kerana:
 - (i) permintaan yang berlebihan pada musim-musim cuti sekolah dan hari-hari perayaan.
 - (ii) penumpang-penumpang yang membuat tempahan tetapi gagal membuat perjalanan.

Untuk mengatasi keadaan permintaan yang berlebihan, pihak MAS sentiasa mengadakan penerbangan tambahan pada musim-musim tersebut. Pihak MAS juga sentiasa membuat kajian semasa dan jika perlu akan menambahkan lagi penerbangan-penerbangan tertentu.

Umpamanya, sejak 1hb Jun, 1981 pihak MAS telah menambah lebih dari 15% tempat duduk untuk penerbangan-penerbangan tempatan, berbanding dengan perkhidmatan yang diadakan sebelum tarikh tersebut.

Adalah tidak benar bahawa ada kesulitan untuk membuat tempahan bagi perjalanan antara Ipoh dan Kuala Lumpur dan juga Melaka dan Kuala Lumpur. Ini ialah kerana mengikut rekod MAS angka muatan (load factor) purata bagi sektor-sektor tersebut di atas ialah 70%. Ini bermakna bagi penerbangan-penerbangan tersebut ada tempat duduk berlebihan.

- (b) MAS tidak memberi keistimewaan bagi Ahli-ahli Parlimen untuk urusan politik yang penting.

BANJIR DI KUALA LUMPUR

22. Tuan Alexander Lee minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Dewan Bandaraya untuk mencegah berlakunya banjir di Kuala Lumpur terutama sekali selepas hujan lebat.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bandaraya Kuala Lumpur menghadapi dua jenis banjir yang berlainan dari segi sebab berlakunya. Jenis yang pertama ialah banjir besar akibat dari perlimpahan air dari Sungai Klang, Sungai Batu dan Sungai Gombak. Jenis yang kedua ialah banjir kilat yang disebabkan oleh hujan tempatan yang lebat serta kekurangan Sistem Perparitan Bandar (Urban Drainage System).

Jabatan Parit dan Taliair Wilayah Persekutuan kini sedang menjalankan suatu projek Pencegahan banjir yang komprehensif untuk Bandaraya Kuala Lumpur yang diberi nama "Rancangan Tebatan Banjir Kuala Lumpur". Projek ini terbahagi kepada tiga komponen seperti berikut:

- (i) Empangan:

Ini meliputi kerja-kerja meninggikan paras Empangan Kelang Gate dan pembinaan dua buah lagi empangan baru untuk Sungai Batu dan Sungai Gombak.

- (ii) Memperbaiki Sungai Klang, Sungai Batu dan Sungai Gombak:

Ini meliputi kerja-kerja mendalamkan serta melebarkan ketiga-tiga sungai tersebut.

- (iii) Urban Drainage:

Ini meliputi kerja-kerja mendalamkan serta melebarkan parit-parit utama (Trunk Drain).

Sementara itu, untuk mengatasi serta mencegah dari berlakunya banjir kilat di Kuala Lumpur ini terutama selepas hujan lebat, Dewan Bandaraya mempunyai pasukan gerak-cepat (emergency squad) bagi mengatasi masalah banjir kilat ini.

Pasukan gerak-cepat ini yang dibahagikan kepada 4 kumpulan, ditugaskan untuk membersihkan sampah-sampah sarap yang tersekat di longkang-longkang, "culvert" dan lain-lain terutama di kawasan-kawasan yang sering dilanda banjir. Ini untuk memastikan supaya pengaliran air di longkang-longkang besar (monsoon drain) "culvert" dan lain-lain tidak tersekat atau melemah (overflow).

PERPUSTAKAAN NEGARA

23. Puan Rahmah binti Othman meminta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) bilakah dapat Kerajaan mendirikan Perpustakaan Negara yang baru;
- (b) berapakah jumlah wang yang telah dikumpulkan oleh Jawatankuasa Memungut Derma Bangunan Perpustakaan Negara semenjak tahun 1970; dan
- (c) adakah Perpustakaan Parlimen dalam Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato Dr Neo Yee Pan):

- (a) Projek bangunan baru Perpustakaan Negara Malaysia adalah merupakan salah satu projek yang telah diluluskan oleh Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Keempat. Dalam Rancangan Malaysia yang lalu Kerajaan hanya memberi peruntukan tanda (token

vote) sebanyak \$10 bagi projek ini. Bangunan ini adalah dianggarkan berharga lebih kurang \$25 juta dan akan mempunyai luas lantai sebesar 238,000 kaki persegi. Untuk menjalankan projek ini Bahagian Penyelarasan dan Perlaksanaan, Jabatan Perdana Menteri telahpun melantik 4 Juruperunding Tempatan. Akitek yang dilantik untuk mengendalikan projek ini telahpun menyerahkan lukisan awal bangunan Perpustakaan Negara Malaysia ke Kementerian saya untuk pertimbangan. Dalam laporan yang disampaikan oleh pihak Akitek ke Kementerian adalah diramalkan bangunan sebesar ini biasanya akan mengambil masa sekurang-kurangnya 3 tahun untuk menyiapkannya. Oleh kerana itu adalah dijangka bangunan baru Perpustakaan Negara Malaysia akan siap dalam tahun 1984.

- (b) Semenjak 1970 jumlah wang yang telah dipungut oleh Jawatankuasa Memungut Derma Bangunan Perpustakaan Negara adalah sebanyak \$2,649,000.
- (c) Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan meliputi semua Perpustakaan Kementerian dan Jabatan Kerajaan Perpustakaan kecuali Perpustakaan Parlimen dan Perpustakaan Kementerian Pelajaran.

LATIHAN AHLI RELA

24. Tuan Haji Ibrahim Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah anggota RELA yang telah diberi latihan intensif peperangan dan jumlah yang masih belum diberi latihan seumpama itu.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Ibu Pejabat RELA pada masa sekarang belum lagi memberi latihan intensif peperangan dalam ertikata yang sebenarnya kepada ahli-ahli RELA. Walau bagaimanapun, ahli-ahli RELA ada mengambil bahagian dalam Latihan Tangkis I yang dianjurkan oleh Pasukan Polis Diraja Malaysia pada akhir bulan Oktober 1980. Dalam latihan ini

seramai 3,500 orang ahli-ahli RELA/RELAWATI telah mengambil bahagian dan telah memainkan peranan berikut:

- (a) menubuhkan Pengkalan Gurilla di dalam hutan bersama-sama dengan Unit Kawalan Keselamatan/PPF;
- (b) menjaga kawasan penting seperti kolam air, stesyen LLN, Jambatan-jambatan penting dan sebagainya;
- (c) mengawal persisiran pantai dan sungai, membuat pos perhentian dan membuat serang hendap di tempat-tempat yang dijangka pihak musuh akan mendarat;
- (d) Ahli-ahli RELAWATI pula bertanggungjawab memberi rawatan-rawatan kecemasan kepada mereka yang cedera sama ada anggota Pasukan Keselamatan atau orang-orang awam di Pusat-pusat Pertolongan Cemas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Ibu Pejabat RELA ada membuat rancangan bagi tahun-tahun hadapan untuk memberi latihan intensif peperangan kepada ahli-ahli mengikut peringkat demi peringkat.

PENGEDAR DADAH—HUKUMAN

25. Tuan Ibrahim bin Salleh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa ramaikah pengedar-pengedar dadah telah ditangkap dan berapa ramai pula yang telah dijatuhkan hukuman di dalam negara ini daripada tahun 1978 hingga 1980.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bilangan orang yang ditangkap dan dituduh di bawah Seksyen 39(B) Ordinan Dadah Merbahaya 1952 kerana mengedar dadah bagi tempoh tahun 1978 hingga 1980 ialah 291 orang. Daripada jumlah tangkapan ini, seramai 50 orang telah dijatuhkan hukuman, 28 orang dibuang kes dan dibebaskan dan 213 sedang menunggu percabaran.

ASEAN—KEMASUKAN SRI LANKA

26. Dato Hajjah Fatimah binti Haji Salim minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Malaysia akan menyokong Colombo untuk memasuki ASEAN.

Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al-haj: Menteri-menteri Luar ASEAN masih belum mengambil keputusan mengenai perkara ini. Mereka akan berpandu kepada laporan Pegawai-pegawai Kanan ASEAN yang telah diberi mandat mengkaji dengan teliti tentang soal-soal kemasukan anggota termasuk soal permohonan Sri Lanka.

SYARIKAT BUMIPUTRA— PENGAMBILAN

27. Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa syarikat-syarikat bumiputra yang mempunyai tanah-tanah bandar dan tanah-tanah perumahan direbut oleh syarikat-syarikat yang diisytiharkan di pasaran saham tanpa bayaran tunai dan tanah-tanah ini diperam sebagai bank-tanah supaya naiknilai disanggakan untuk spekulasi saham-saham mereka; dan
- (b) sama ada aktiviti-aktiviti seperti ini bercanggah dengan DEB dari segi mengawal kemelesetan tanah-tanah kepunyaan bumiputra dan memperbanyakkan rumah-rumah untuk keperluan rakyat dengan cepat.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:

- (a) Kerajaan memang sedar bahawa kebelakangan ini terdapat syarikat-syarikat awam yang saham mereka tercatat di Pasar Saham Kuala Lumpur (KLSE), mengambilalih syarikat-syarikat Bumiputra yang mempunyai tanah-tanah di sekitar bandar dengan cara pertukaran saham. Pengambilalih sedemikian bolehlah dianggap sebagai kegiatan biasa dan strategi perniagaan lazim digunakan oleh syarikat-syarikat, sama ada syarikat-syarikat persendirian atau syarikat-syarikat yang saham mereka tercatat di KLSE, bagi membolehkan mereka untuk terus berkembang.

Meskipun pengambilalih syarikat-syarikat Bumiputra yang mempunyai tanah oleh syarikat awam boleh mengurangkan tanah kepunyaan Bumiputra, akan tetapi kegiatan seperti

ini hendaklah diperhatikan dari segi kedudukan hak milik harta keseluruhannya.

Dalam pengambilalih ini, harga tanah Bumiputra naik nilainya dan ditukar dengan saham syarikat-syarikat awam yang tercatat di Pasar Saham Kuala Lumpur. Ada kalanya dengan pertukaran saham itu bahagian Bumiputra di dalam sesuatu syarikat awam itu bertambah lagi lebih daripada 30% yang diperuntukkan bagi Bumiputra. Tanah-tanah yang diambilalih itu dibenar dimajukan hanya dengan syarat sebahagian daripada ekuiti syarikat awam itu hendaklah diperuntukkan kepada Bumiputra dan syarat dikenakan juga untuk memperuntukkan sebilangan daripada rumah-rumah yang didirikan itu kepada Bumiputra.

- (b) Pengambilalih syarikat Bumiputra yang mempunyai tanah sedemikian juga tidak bercanggah dengan keperluan untuk memperbanyakkan pembinaan rumah-rumah untuk rakyat dengan cepat oleh kerana pada lazimnya syarikat-syarikat awam itu mempunyai kepakaran dan keupayaan memajukan sesuatu projek dalam masa yang lebih singkat. Oleh yang demikian pengambilalih syarikat-syarikat Bumiputra yang mempunyai tanah oleh syarikat-syarikat awam yang saham mereka tercatat di Pasar Saham Kuala Lumpur dengan cara pertukaran saham adalah tidak bercanggah dengan Dasar Ekonomi Baru.

PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA DI MESIR

28. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramaikah penuntut-penuntut Malaysia yang menuntut di Timur Tengah khususnya di Mesir yang dibiayai oleh Kementerian Pelajaran dan adakah Kementerian Pelajaran bercadang menambahkan asrama bagi mereka.

Dato Chan Siang Sun: Terdapat seramai 1,040 pelajar-pelajar Malaysia (berbasiswa dan persendirian) yang sedang belajar di

Republik Arab Mesir mengikuti dalam berbagai bidang pengajian seperti Pengajian Islam, Perubatan, Pergigian dan juga Pharmasi. Dari jumlah tersebut di atas hanya 458 pelajar sahaja yang menerima biasiswa atau bantuan kewangan dari badan-badan/yayasan-yayasan tertentu

Kementerian Pelajaran membiayai seramai 41 orang pelajar yang sedang mengikuti kursus-kursus seperti Syariah, Usulluddin dan Bahasa Arab.

Buat masa ini, Kementerian Pelajaran tidak bercadang menambah asrama bagi pelajar-pelajar di Mesir kerana sebuah asrama baru—Asrama Puteri baru sahaja disiapkan di samping Asrama Putera yang sedia ada.

ELAUN ASKAR WATANIAH

29. Tuan K. Kumaran minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar elaun yang diberikan kepada "Askar Wataniah" yang menjalani latihan adalah sangat kurang dan jika sedar, adakah beliau bercadang menambahkan lagi elaun latihan "Askar Wataniah" dan memberi kemudahan-kemudahan yang lain.

Dato Abu Hassan bin Haji Omar: Pada hakikatnya Kerajaan sentiasa menyemak dan mengkaji skim gaji dan elaun-elaun yang diberikan kepada angkatan tentera, sama ada dalam pasukan tetap ataupun sukarela.

Elaun yang diberikan kepada pasukan Askar Wataniah sekarang adalah berdasarkan kepada Laporan Jawatankuasa Pegawai mengenai gaji dan syarat-syarat perkhidmatan Angkatan Tentera dalam bulan Julai 1977. Laporan ini masih dikuatkuasakan sehingga ke masa ini. Elaun yang didapati sekarang adalah jauh lebih tinggi dari elaun yang dinikmati sebelumnya. Walau bagaimanapun, langkah-langkah sedang diambil untuk mengkaji semula kadar elaun bagi anggota sukarela Askar Wataniah di mana satu kertas kajian sedang disediakan berkaitan dengan perkara tersebut.

PEMEGANG KAD PENGENALAN MERAH

30. Tuan Lee Jong Ki minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan pemegang kad pengenalan yang berwarna merah dalam negeri ini;
- (b) bilangan pemohon Sijil Kerakyatan yang terdiri dari pemegang kad pengenalan merah sehingga tahun 1980;
- (c) bilangan pemohon-pemohon dalam kategori ini yang sudah diberi sijil kerakyatan sehingga tahun 1980; dan
- (d) langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian ini supaya mempercepatkan kelulusan permohonan Sijil Kerakyatan yang dikemukakan oleh orang-orang yang mempunyai segala kelayakan yang perlu.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

- (a) Jumlah pemegang kad pengenalan merah di negara ini termasuk Sabah dan Sarawak sehingga 30hb April, 1981 ialah 325,149.
- (b) Jumlah permohonan Kewarganegaraan daripada pemegang kad pengenalan merah sehingga 31-12-1980 ialah sebanyak 950,129.
- (c) Di dalam tempoh yang sama sebanyak 887,038 permohonan telah diluluskan.
- (d) Kerajaan sentiasa menimbangkan permohonan-permohonan tersebut sekiranya ia berpuashati bahawa pemohon-pemohon itu adalah layak dan patut dianugerah.

HARGA GETAH/BIJIH/ MINYAK KELAPA SAWIT/ KAYU GERGAJI TURUN

31. Dr Choo Kooi Fook minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sebab-sebab yang telah mengakibatkan penurunan harga bahan-bahan utama negara kita bagi tempoh Januari 1980 hingga Mac 1981 seperti berikut:

Getah	Turun 30%
Bijih	Turun 12.6%
Minyak Kelapa sawit	Turun 12.6%
Koko	Turun 40.6%
Kayu Bergergaji	Turun 24.9%

Menteri Perusahaan Utama (Dr Paul Leong Khee Seong): Untuk menjawab soalan Yang Berhormat, saya terlebih dahulu ingin menyatakan bahawa bagi tempoh Januari 1980 hingga Mac 1981, harga getah telah turun sebanyak 13.8% dan bukannya 30% seperti yang disebutkan dalam soalan. Juga berdasarkan kepada perangkaan yang ada pada saya, harga timah telah turun sebanyak 14%, minyak kelapawasit 10%, koko 44% dan kayu gergaji 21% dan ini adalah berbeza dengan angka-angka yang diberikan dalam soalan. Ahli Yang Berhormat telah mengutarakan satu soalan yang mempunyai implikasi besar terhadap sektor bahan-bahan utama dan saya ingin mengambil peluang di sini, Tuan Yang di-Pertua, untuk menerangkan perkara ini mengikut perspektif yang sebenarnya mengenai isu-isu yang berkaitan dalam soalan ini.

Getah

Mengenai getah sebelum penurunan harga dalam tahun 1980; harga purata telah naik sejak tahun 1976, iaitu 199.06 sen/kg pada tahun itu dan meningkat kepada 202.76 sen/kg pada tahun 1977; 229.67 sen/kilo pada tahun 1978; 279.12 sen/kilo pada tahun 1979 dan 312.35 sen/kilo pada tahun 1980. Dalam jangkamasa tersebut, kenaikan harga purata bagi getah asli ialah sebanyak 11.4% setahun. Ini adalah lebih berbanding dengan kadar inflasi dunia dalam tempoh tersebut iaitu lebih kurang 10% setahun. Walaupun harga getah jatuh dalam tahun 1980, harga pada tahun itu telah mencapai satu paras yang paling tinggi sejak tahun 1951 dan harga purata pada bulan Januari tahun itu ialah yang paling tinggi sekali iaitu sebanyak 332.87 sen/kg.

Ingin saya nyatakan bahawa paras harga getah RSS I purata sebanyak 284 sen/kg pada masa ini memberikan pendapatan bersih sebanyak \$699 seekar setahun. Walaupun pendapatan ini akan lebih kurang jikalau gred-gred getah yang lebih rendah dikeluarkan namun demikian ini menunjukkan sektor getah masih lagi menguntungkan pada paras harga sekarang.

Kejatuhan harga sejak Januari tahun 1980 hingga pada masa ini adalah disebabkan sebahagian besarnya oleh kemelesetan negara-negara maju sebagaimana

dicermin dalam kadar pertumbuhan ekonomi negara-negara OECD yang telah jatuh dari 5.2% pada tahun 1976 kepada 1.2% pada tahun 1980. Di samping itu kadar inflasi di negara-negara tersebut telah naik dari 9% pada tahun 1976 kepada 12.5% pada tahun 1980. Faktor-faktor lain iaitu kenaikan kadar faedah di negara-negara maju tersebut yang merendahkan inventori dan mengurangkan pembelian "on a hand to mouth basis". Walau bagaimanapun, harga getah asli pada masa ini adalah masih di peringkat sihat. Sungguhpun harga getah RSS I telah menurun di bawah paras 300 sen/kilo namun demikian perbezaan harga di antara berbagai gred fizikal dengan RSS I telah bertambah baik. Misalnya getah SMR CV yang telah dijual di peringkat diskaun kepada RSS I pada bulan Disember 1980, baru-baru ini telah diniagakan di peringkat premium. Bagi getah SMR 20 diskaun terhadap RSS I telah bertambah baik dari 50 sen/kg pada bulan Januari 1981 kepada 24 sen/kg pada masa ini. Ini menunjukkan bahawa keadaan pasaran telah bertambah baik khususnya pembelian getah fizikal pada masa ini.

Timah

Harga bijih timah telah menunjukkan arah aliran yang menaik sejak tahun 1976 di mana harga purata bahan ini ialah \$1,146.56 sepikul dan naik \$1,588.03 sen sepikul pada tahun 1977, \$1,743.19 sen sepikul pada tahun 1978, \$1,960.65 sen sepikul pada tahun 1979 dan \$2,160.12 sen sepikul pada tahun 1980. Bolehlah dilihat bahawa harga pada tahun 1980 adalah merupakan harga yang paling tinggi dalam tempoh 5 tahun kebelakangan ini. Walau bagaimanapun harganya telah turun dari \$2,143.60 sepikul pada bulan Januari 1980 kepada \$1,767.83 pada bulan Mei, 1981 dan naik sedikit pada masa ini. Di paras harga \$1,776.30 satu pikul pada 19hb Jun, 1980 lombong-lombong pam kelingkir pada purata mengalami kerugian sebanyak lebih kurang \$241 satu pikul bijih timah yang dikeluarkan. Jika harga timah tidak bertambah baik pada masa akan datang, kemungkinan banyak lombong-lombong jenis ini akan terpaksa ditutup.

Selain daripada kesan-kesan keadaan kemelesetan dalam pasaran timah antarabangsa, penjualan timah daripada

stokpail GSA Amerika Syarikat telah menyebabkan harganya turun lebih teruk lagi. Ini telah menjadi satu masalah yang rumit bukan sahaja dihadapi di Malaysia tetapi juga di kalangan negara-negara pengeluar bahan ini. Para Menteri ASEAN dan Bolivia telah meminta supaya pihak Amerika Syarikat menggantungkan penjualan dari stokpail GSA dalam keadaan pasaran yang masih lembab.

Di samping itu negara-negara pengeluar timah telah juga menggesa supaya pihak Majlis Timah Antarabangsa (ITC) mengkaji semula harga timah untuk dinaikkan oleh kerana kos pengeluaran dalam sektor ini telah bertambah disebabkan oleh kenaikan kos tenaga, jentera dan buruh di samping pihak industri terpaksa melombong di kawasan-kawasan yang lebih sukar lagi dan yang telah dilombong. Sesungguhnya kos pengeluaran telah naik sebanyak 27% dan oleh kerana itu harganya patutlah dinaikkan supaya bekalan bahan ini dapat dikekalkan dalam jangkamasa yang panjang.

Minyak Kelapa Sawit

Harga kelapa sawit adalah lebih baik daripada harga pada tahun 1976 iaitu sebanyak \$881 satu tonne. Harganya telah meningkat kepada \$892.75 satu tan pada tahun 1977 dan \$1,068 satu tan tahun 1978, turun kepada \$1,038 satu tan tahun 1979 dan \$919.00 satu tan pada tahun 1980. Tetapi harga purata pada 5 bulan pertama tahun ini telah naik semula kepada \$988.00 sen satu tan.

Seperti yang dilihat arah aliran harga bagi bahan ini adalah bercampur-campur berdasarkan kepada keadaan pasaran minyak sayur dan lemak dunia. Berasaskan pada harga sekarang minyak kelapa sawit masih lagi dikeluarkan di peringkat yang menguntungkan.

Pada paras harga eksport sekarang iaitu \$1,261 satu tan metrik, kelapa sawit memberikan keuntungan bersih sebanyak \$566 seekor satu tahun. Ini merupakan pulangan yang lumayan kepada sektor ini.

Keadaan yang tidak seimbang dari segi penawaran dan permintaan minyak sawit dunia adalah menjadi salah satu sebab utama terhadap gangguan kestabilan harga di sepanjang tahun 1980. Sekatan penjualan

kacang soya Amerika Syarikat ke Russia dan kekecohan politik di antara Iran dan Iraq telah menjadi sebahagian dari faktor yang mendorong kepada penurunan harga minyak sayuran bagi jangkamasa separuh masa pertama 1980. Sebaliknya pula kegagalan untuk mencapai tingkat pengeluaran yang baik di Amerika Syarikat telah mengakibatkan berkurangnya bekalan bahan tersebut di pasaran dunia. Keadaan ini seterusnya telah dapat memulihkan semula harga minyak sayuran di separuh masa kedua tahun 1980. Pada bulan Januari hingga Mei tahun ini harga minyak sawit mentah telah mula meningkat ke paras yang menggalakkan. Harga di pasaran tempatan ketika ini telah meningkat kepada lebih kurang \$1,000 manakala di pasaran Eropah di Rotterdam pula harganya adalah lebih dari US\$640.

Koko

Harga koko telah jatuh daripada \$7,411 satu tan pada tahun 1978 kepada \$5,921 satu tan pada tahun 1979, \$4,488 satu tan pada tahun 1980 dan \$3,364 satu tan bagi 5 bulan pertama tahun ini. Sungguhpun terdapat kejatuhan harga yang agak besar, bahan ini masih lagi memberikan pendapatan yang tinggi iaitu \$1,000 satu ekar setahun kepada penanamnya berasaskan kepada pengeluaran sebanyak 1,000 lb biji koko satu ekar setahun di Semenanjung Malaysia. Di Sabah, daya pengeluaran adalah lebih tinggi dan keuntungan juga lebih besar. Harga koko yang meleset pada masa ini adalah disebabkan oleh keadaan kelebihan pengeluaran koko dunia berbanding dengan permintaan. Sungguhpun harga koko telah jatuh kepada paras yang rendah pada beberapa tahun kebelakangan ini, pertambahan dalam penggunaan adalah tidak memuaskan. Di samping itu sungguhpun satu Perjanjian Koko Antarabangsa telah digubal, ianya masih belum berkuatkuasa oleh kerana banyak lagi negara-negara pengeluar dan pengguna masih tidak berapa cenderung untuk menyertai Perjanjian ini. Walau bagaimanapun, saya berpendapat bahawa kemerosotan harga koko telah sampai ke paras yang lebih rendah sekali dan adalah diharapkan bahawa harganya akan bertambah baik pada masa yang akan datang dan mungkin akan kembali ke paras yang lebih tinggi iaitu 4-5 ribu ringgit satu tan metrik.

Kayu gergaji

Bagi kayu gergaji, kejatuhan harga dalam masa 15 bulan yang lepas adalah disebabkan oleh permintaan yang tidak memuaskan. Projek-projek pembinaan perumahan dan bangunan di negara-negara Eropah Barat, Jepun dan Amerika Syarikat adalah pada peringkat rendah oleh kerana kemerosotan ekonomi, pengangguran yang bertambah dan kadar faedah pinjaman yang tinggi. Sektor awam negara-negara tersebut telah mengurangkan pembinaan bangunan-bangunan oleh kerana tekanan dari usaha-usaha fiskal dan kewangan yang ketat untuk mengawal tekanan inflasi dan kemelesetan ekonomi. Dengan kadar faedah yang tinggi dan juga pengurangan dalam permintaan kayu gergaji, pengimport-pengimport dan pembekal-pembekal telah menyimpan stok bahan ini di peringkat yang minima sekali. Dengan harapan kemelesetan ekonomi di negara-negara pengguna akan bertambah baik tidak lama lagi, peluang untuk sektor ini pulih semula adalah cerah oleh kerana pada kebiasaannya sektor ini amat "responsive" dalam perubahan keadaan ekonomi.

Sekali lagi saya ingin menegaskan bahawa sungguhpun terdapat kejatuhan harga bahan-bahan utama negara ini, prospek bagi bahan-bahan ini pada masa hadapan adalah masih baik. Pendapat ini adalah berasaskan bahawa keadaan kemelesetan ekonomi dunia, khususnya negara-negara yang telah maju (OECD), adalah pada peringkat yang rendah sekali dan kemungkinan keadaan ini akan bertambah baik tidak lama lagi. Apa-apa kemajuan dalam ekonomi dunia akan sewajarnya meningkatkan lagi permintaan bahan-bahan utama yang menjadi bahan mentah kepada sektor perindustrian di negara tersebut. Di samping itu, Kerajaan terus berusaha untuk meningkat dan memajukan pasaran bagi bahan-bahan utama serta bekerjasama dengan negara-negara lain dalam rantau ini atau di peringkat antarabangsa untuk mencapai harga-harga yang menasabah bagi bahan utama. Memandangkan apa yang saya sebutkan, adalah diharapkan bahawa harga bahan-bahan utama kita akan bertambah baik pada masa akan datang.

**GROWTH RATE IN REAL GNP AND INFLATION RATE IN GROWTH IN
CONSUMER PRICES OF OECD**

Year	1976		1977		1978		1979		1980	
	Growth Rate %	Inflation Rate %	Growth Rate %	Inflation Rate %	Growth Rate %	Inflation Rate %	Growth Rate %	Inflation Rate %	Growth Rate %	Inflation Rate %
OECD	5.2	9.0	3.5	8.3	3.7	8.5	3.4	10.1	1.2	12.5
U.S.A.	6	5.8	4.9	6.5	4.4	7.5	2.3	11.3	2.2	13.5
JAPAN	6	9.3	5.4	8.1	5.6	3.8	5.9	3.6	5.3	8.0
U.K.	3.0	16.5	1.7	15.9	3.9	8.3	1.5	13.4	-3.0	18.0
GERMANY	5.7	4.5	2.4	3.9	3.5	2.7	4.4	4.1	1.8	5.5
FRANCE	4.6	9.2	3.0	9.5	3.6	9.2	3.3	10.7	1.0	13.3
ITALY	5.7	16.8	2.0	17.0	2.6	12.1	5.0	14.7	3.3	21.0
CANADA	5.5	7.5	2.4	8.0	3.4	9.0	2.8	9.1	0.1	10.0

SOURCE: Bank Negara Malaysia Annual Report.

PERBANDINGAN HARGA

<i>Barangan</i>	<i>Januari 1980</i>	<i>Mac 1981</i>	<i>% Turun</i>	<i>Harga Purata 1980</i>
	\$	\$		\$
1. Getah RSS I (Sen/kg)	332.81	284.77	13.8	312.35
2. Bijih Timah (\$/kilo)	35.45	30.49	14.0	35.72
3. Minyak Kelapasawit Local delivered (M\$/Tonne)	1,095.00	981.24	10.4	919.23
4. Koko (\$/Tonne)	5,929.00	3,302.00	44.3	4,488.00
5. Kayu Gergaji * (M\$/ton 50 kaki persegi) ..	692.7	545.3	21.3	625.59

* Berdasarkan kepada harga purata 15 jenis kayu yang dieksport.

MONTHLY AVERAGE NOON PRICES OF CURRENT RSS 1 (BUYERS)—PENINSULAR MALAYSIA
(1946 - 1981)

(Malaysian Cents/kg)

Year	January	February	March	April	May	June	July	August	September	October	November	December	Average
1946 ..	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—	92.31	92.31
1947 ..	94.73	94.80	96.45	97.66	81.02	67.33	64.40	63.47	66.67	78.84	92.66	88.93	82.25
1948 ..	93.06	88.21	86.42	91.93	95.28	99.38	105.05	99.96	97.03	95.04	84.11	79.56	92.95
1949 ..	81.55	78.66	81.24	78.93	76.65	71.01	73.46	76.37	87.85	96.96	100.80	106.79	84.19
1950 ..	110.23	116.54	118.67	145.95	176.04	180.67	209.79	294.03	322.40	377.41	432.41	377.87	238.49
1951 ..	451.02	496.15	478.62	436.69	349.96	325.18	313.06	319.01	346.65	340.20	320.27	308.71	373.79
1952 ..	309.02	264.62	245.64	241.58	194.73	195.64	194.58	186.97	167.77	166.05	182.54	200.09	211.80
1953 ..	187.41	171.67	161.71	151.37	157.78	148.83	143.63	141.96	141.34	127.01	126.13	128.79	148.68
1954 ..	123.19	120.66	120.81	133.42	137.68	144.42	154.17	148.11	153.16	168.43	180.36	189.93	148.37
1955 ..	218.17	218.50	194.27	197.78	200.66	232.06	280.76	315.70	324.94	275.11	267.38	284.84	251.68
1956 ..	253.49	226.28	213.87	199.65	183.89	183.62	203.64	220.35	203.18	205.23	229.85	247.78	212.32
1957 ..	217.46	192.84	201.79	202.36	198.92	203.49	204.56	201.44	189.00	184.11	171.12	181.51	195.66
1958 ..	172.09	170.88	170.59	168.96	161.20	164.82	175.82	179.50	181.66	193.83	198.22	183.58	176.92
1959 ..	189.82	189.64	197.18	209.22	228.71	212.04	216.23	237.15	232.37	231.31	280.16	258.10	223.90
1960 ..	251.57	253.80	262.46	264.49	284.20	273.06	241.16	220.75	222.40	209.64	192.31	189.73	238.28
1961 ..	183.38	176.06	188.32	196.03	196.85	185.74	186.09	188.41	189.18	181.31	165.81	171.19	184.17
1962 ..	175.84	182.15	175.44	172.98	172.91	164.94	167.66	162.95	164.99	174.17	176.50	177.93	172.37
1963 ..	175.45	173.21	166.40	167.71	165.54	162.54	158.98	150.78	147.18	152.21	151.60	144.61	159.53
1964 ..	138.59	144.75	152.25	152.27	151.61	149.71	146.63	146.21	152.55	158.43	155.90	153.24	150.22
1965 ..	157.39	158.64	159.00	163.64	162.92	159.70	151.18	147.99	145.97	144.44	149.77	154.76	154.38
1966 ..	154.54	155.08	153.99	148.39	151.72	144.93	142.46	140.21	131.59	138.21	138.26	132.88	144.16
1967 ..	130.49	125.19	124.98	125.89	123.61	125.89	122.07	114.70	111.65	110.62	108.50	109.40	119.39
1968 ..	106.23	100.15	109.04	109.76	113.38	121.96	119.65	121.75	120.68	125.56	127.85	127.50	117.09
1969 ..	130.43	144.96	155.80	158.88	151.88	156.69	166.45	177.86	166.00	153.79	138.98	142.71	153.56
1970 ..	150.45	147.47	135.70	128.86	126.50	126.06	117.34	113.42	111.89	106.60	114.51	113.54	124.40
1971 ..	108.31	192.36	102.45	109.08	115.14	104.79	101.41	96.49	98.90	96.60	96.52	89.60	101.88
1972 ..	89.08	88.37	87.34	86.42	91.98	92.14	91.38	89.38	86.85	101.53	105.18	113.12	93.48
1973 ..	124.69	130.42	138.41	137.93	139.74	169.90	198.39	187.36	169.84	162.92	186.17	238.66	165.61
1974 ..	265.31	238.68	226.52	201.08	203.86	174.14	161.91	164.23	145.07	140.27	112.45	131.97	179.44
1975 ..	127.83	132.82	129.29	122.55	120.95	125.14	139.48	149.13	143.15	140.20	147.87	161.39	136.69
1976 ..	167.74	184.61	191.52	193.30	210.14	219.58	201.74	197.35	195.05	210.81	212.45	200.25	199.06
1977 ..	208.58	206.56	206.23	199.42	197.06	192.30	192.83	196.98	215.16	213.69	206.30	198.66	202.76
1978 ..	202.29	205.73	207.56	207.66	217.56	236.02	233.27	240.93	253.79	258.96	253.26	238.99	229.67
1979 ..	237.54	250.43	256.73	279.32	292.58	304.31	291.93	284.76	281.55	285.32	289.50	295.43	279.12
1980 ..	332.87	369.19	327.90	322.52	293.28	294.85	290.07	300.26	309.58	302.88	306.74	304.95	312.35
1981 ..	304.48	299.11	288.40	267.18	272.57	—	—	—	—	—	—	—	—

1327

22 APRIL 1981

1328

AVERAGE PRICES FOR TIN (1976 - 1981)
(M\$/PICUL)

<i>Monthly</i>	<i>1976</i>	<i>1977</i>	<i>1978</i>	<i>1979</i>	<i>1980</i>	<i>1981</i>
January	960.24	1,394.64	1,680.48	1,792.21	2,143.60	1,902.70
February	1,002.96	1,525.47	1,686.67	1,886.52	2,215.57	1,859.16
March	1,064.80	1,557.27	1,573.75	1,950.92	2,338.31	1,844.04
April	1,084.64	1,434.73	1,534.42	1,951.52	2,316.96	1,837.99
May	1,144.70	1,458.13	1,644.32	1,967.36	2,220.	1,767.83
June	1,172.41	1,440.37	1,718.85	1,984.48	2,158.71	—
July	1,263.60	1,534.32	1,703.73	1,951.50	2,143.44	—
August	1,195.01	1,665.86	1,770.38	1,894.13	2,150.71	—
September	1,178.24	1,659.78	1,866.17	1,946.40	2,194.80	—
October	1,195.72	1,815.92	1,950.92	2,005.48	2,105.31	—
November	1,221.25	1,804.71	1,975.38	2,056.72	2,005.13	—
December	1,250.80	1,751.86	1,820.00	2,126.00	1,920.00	—
AVERAGE ..	1,146.56	1,588.03	1,743.19	1,960.65	2,160.12	—

SOURCE: International Tin Council Monthly Statistical Bulletin.

AVERAGE PRICES—CRUDE PALM OIL (1977 - 1981)
(M\$/TONNE)

<i>Month</i>	<i>1977</i>	<i>1978</i>	<i>1979</i>	<i>1980</i>	<i>1981</i>
January	857.00	935.00	963.00	1,095.00	991.36
February	946.00	1,190.00	1,136.00	1,140.00	1,018.65
March	1,049.00	1,207.00	1,024.00	1,045.00	981.24
April	1,204.00	1,202.00	1,059.00	999.00	967.57
May	1,230.00	1,219.00	1,074.00	881.00	985.20
June	1,092.00	1,249.00	1,074.00	862.00	—
July	839.00	1,170.00	1,152.00	841.54	—
August	673.00	889.00	1,056.00	815.00	—
September	616.00	979.00	1,024.00	777.00	—
October	648.00	957.00	915.00	702.00	—
November	708.00	920.00	980.00	911.00	—
December	851.00	905.00	999.00	959.00	—
AVERAGE ..	892.75	1,068.50	1,038.00	919.31	988.00

AVERAGE PRICES FOR COCOA (1978 - 1981)
(M\$/TONNE)

<i>Month</i>	<i>1978</i>	<i>1979</i>	<i>1980</i>	<i>1981</i>
January	—	6,906.00	5,929.00	3,292.00
February	—	6,497.00	6,125.00	3,173.00
March	—	6,204.00	5,687.00	3,302.00
April	—	5,650.00	5,711.00	3,552.00
May	—	5,725.00	4,664.00	3,504.00
June	—	6,375.00	4,180.00	—
July	—	5,950.00	4,044.00	—
August	—	5,252.00	3,741.00	—
September	7,584.00	5,750.00	3,595.00	—
October	7,421.00	5,637.00	3,649.00	—
November	7,366.00	5,300.00	3,370.00	—
December	7,273.00	5,812.00	3,167.00	—
TOTAL ..	7,411.00	5,921.50	4,488.50	3,364.60

AVERAGE SAWN TIMBER PRICES (PENINSULAR MALAYSIA) 1978-1981
M\$/ton of 50 cu. ft.

<i>Month</i>	<i>1978</i>	<i>1979</i>	<i>1980</i>	<i>1981</i>
January	412.5	607.6	692.7	553.6
February	405.1	569.7	706.4	564.8
March	414.4	587.7	701.6	545.3
April	420.3	616.2	659.2	552.5
May	429.5	663.0	632.4	—
Jun	435.5	641.6	583.9	—
July	445.2	642.4	601.1	—
August	462.0	676.6	588.9	—
September	482.5	633.0	567.8	—
October	494.7	632.4	588.4	—
November	517.5	632.6	607.8	—
December	544.4	621.6	576.9	—
AVERAGE ..	455.3	627.0	625.59	

SOURCE: Malaysian Timber Industry Board.

NOTE: Prices computed based on average monthly f.o.b. prices of 15 species of sawn timber exported from Peninsular Malaysia.

PRICE, EXPORT DUTY, COST OF PRODUCTION AND RETURNS TO PRIMARY
COMMODITIES, 1981 (January - May) (\$/Acre/Year)

Commodity	Average Price for Year (5 months)	Export Duty	Net Proceeds	Production/ Acre	Value/ Acre	Cost of Production	Net Returns Per Acre
		(\$)	(\$)		(\$)	(\$)	(\$)
1. RUBBER:							
RSS I ¹	284.83 sen/kg	59.45	225.38	682 kg	1,537.09	838.18	698.91
RSS III ²	263.39 sen/kg	42.95	220.44	409 kg	901.59	641.20	260.39
2. PALM OIL:							
Crude	\$1,261.46	376.73	884.73	1.5 tonne	1,327.09	760.82	566.27
3. TIN³:							
	\$1,776.30 ⁵	135.50	1,496.16	n.a.	n.a.	1,737.84	241.66
		144.64 ⁴					
		<u>280.14</u>					

ASSUMPTION:

1. Production of estate at 1,600 kg/hectare or 682 kg per acre or 1,500 lb/acre.
2. Production of smallholding at 166 kg per hectare or 409 kg per acre or 900 per acre and cost of production include self labour imputed at \$168.15 per acre.
3. Figure on net returns is based on per picul basis and production cost refers to gravel pump mines.
4. Tin tribute.
5. Price on 19-6-81.

**PEKERJA MALAYSIA DI TIMUR
TENGAH**

33. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) jumlah sebenarnya rakyat Malaysia yang bekerja di negara-negara Timur Tengah dan sama ada beliau sedar bahawa ada terdapat kes-kes rakyat Malaysia yang bekerja di negara-negara Timur Tengah ditipu dan diperdayakan; dan
- (b) sama ada beliau berpuashati dengan peranan yang telah dimainkan oleh Kedutaan-kedutaan Malaysia di negara-negara tersebut dalam menjaga kepentingan rakyat Malaysia.

Dato' Richard Ho Ung Hun:

(a) Jumlah rakyat Malaysia yang bekerja di negara-negara Timur Tengah tidak dapat diketahui dengan sebenarnya, kerana mereka pergi ke sana adalah secara persendirian. Kementerian saya sedar mengenai kes-kes di mana pekerja-pekerja kita tidak diberi

layanan yang memuaskan oleh majikan masing-masing dan menuduh mereka ditindas atau lain-lain. Akan tetapi mereka tidak memberikan apa-apa bukti yang nyata yang membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan Undang-undang terhadap Majikan. Kerajaan Saudi sendiri telah menasihatkan bahawa sekiranya ada di antara pekerja-pekerja Malaysia yang ditindas dan sebagainya oleh Majikan, mereka seharusnya membawa perkara ini kepada Mahkamah Saudi. Setakat ini belum ada di antara pengadu-pengadu yang sanggup berbuat demikian.

(b) Kerajaan adalah berpuashati dengan peranan yang dimainkan oleh kedutaan-kedutaan kita di negara-negara Timur Tengah dari segi menjaga kepentingan pekerja-pekerja kita. Pada keseluruhannya rakyat-rakyat Malaysia yang bekerja di luar negeri adalah diberi layanan yang memuaskan oleh Majikan-majikan mereka. Walau bagaimanapun Kementerian Luar Negeri menerusi perwakilan-perwakilan kita di luar negeri, sentiasa bersedia memberi bantuan yang wajar jika diperlukan.

LATIHAN AHLI RELA

34. Tuan Haji Ibrahim Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada benar atau tidak bahawa anggota RELA telahpun diberi latihan intensif untuk menggunakan senjata moden; jika tidak dinyatakan sama ada beliau akan memberi latihan serupa ini pada tahun 1982.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini ahli-ahli RELA belum lagi diberi latihan intensif cara-cara menggunakan senjata moden. Ibu Pejabat RELA akan mengadakan kursus-kursus menggunakan senjata moden mulai pada tahun 1982.

BANGUNAN ASEAN SEKRETARIAT

35. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim minta Menteri Luar Negeri menyatakan berapa banyakkah perbelanjaan untuk Bangunan ASEAN yang didirikan di Jakarta yang telah dibuka baru-baru ini dan daripada jumlah itu berapa banyakkah sumbangan Kerajaan Malaysia.

Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al-haj: Bangunan ASEAN Sekretariat serta tanah di mana terletaknya Sekretariat itu adalah sebenarnya hadiah dari Kerajaan Indonesia kepada ASEAN.

SUBSIDI ATAS KAWALAN HARGA

36. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan kemerosotan dan kurangnya perdagangan di dunia sekarang ini akibat inflasi dan stagflasi, tindakan positif dan kawalan yang dijalankan untuk mengatasi masalah itu dan sama ada beliau bercadang untuk mengadakan subsidi harga bagi barang-barang keperluan harian, seperti kain baju dan sebagainya.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Shahrir bin Abdul Samad): Seperti Yang Berhormat itu sendiri termaklum, Kerajaan sudahpun mengadakan subsidi atas beberapa jenis barang kepentingan serta pengawalan harga untuk mengawal kenaikan harga dan mengurangkan beban inflasi atas rakyat

keseluruhannya. Usaha Kerajaan ini melibatkan kos yang tinggi dari segi perbelanjaan kewangan serta tenaga jentera pentadbirannya. Dari itu, pemberian subsidi mestilah dihadkan supaya tidak menjejaskan kestabilan ekonomi dan pentadbiran negara. Berasaskan dasar ini, Kerajaan tidak ada rancangan bagi menambahkan subsidi kepada barang-barang keperluan yang lain dari apa yang ada sekarang

USUL

AKTA PERUBATAN 1971

Ketetapan di bawah Seksyen 39 (3) untuk meneruskan Bahagian VII

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan satu ketetapan di bawah Seksyen 39 (3) Akta Perubatan 1971 "Bahawa Majlis ini membuat ketetapan bahawa mengikut peruntukan seksyen-kecil (3) seksyen 39 Akta Perubatan 1971, Bahagian VII Akta itu hendaklah terus berkuatkuasa bagi tempoh 5 tahun lagi mulai dari 1hb Oktober, 1981".

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Akta Perubatan 1971, mengemukakan syarat-syarat pendaftaran dan amalan bagi pengamal-pengamal perubatan. Bahagian VII Akta tersebut yang mengandungi seksyen-seksyen 39 hingga 44 adalah, merupakan peruntukan tambahan yang diwujudkan untuk maksud kepentingan negara. Bahagian ini memberi kuasa kepada Kerajaan mewajibkan seseorang doktor berkhidmat dengan Kerajaan bagi tempoh yang tertentu.

Peruntukan ini yang berkuatkuasa pada 1hb Oktober, 1971 hanyalah bagi tempoh 5 tahun sahaja. Pada tahun 1976, Parlimen telah meluluskan perlanjutan tempoh kuatkuasa ini selama 5 tahun lagi dan tempoh perkhidmatan wajib pegawai perubatan itu telah ditambah dari 2 tahun kepada 3 tahun.

Tempoh kuatkuasa yang ada sekarang akan tamat pada 30hb September, 1981 dan Kerajaan berpendapat bahawa peruntukan ini hendaklah dilanjutkan lagi selama 5 tahun demi kepentingan pemberian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat jelata. Seksyen 40 dan 41 memberi kuasa kepada Ketua

Pengarah Kesihatan untuk mengarahkan semua pegawai perubatan yang telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia berkhidmat dengan perkhidmatan awam bagi tempoh tiga tahun terus menerus.

Satu masalah besar yang sentiasa dihadapi oleh Kementerian Kesihatan ialah kekurangan pegawai-pegawai perubatan warganegara yang sanggup terus berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan setelah tamat tempoh latihan "housemanship"nya. Sungguhpun Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk memperbaiki syarat-syarat perkhidmatan bagi pegawai-pegawai perubatan serta memperluaskan peluang-peluang kenaikan pangkat dan latihan, tetapi ramai pegawai-pegawai perubatan masih lagi meninggalkan perkhidmatan Kerajaan dalam tempoh di mana perkhidmatan mereka sangat diperlukan.

Perkhidmatan wajib pegawai-pegawai perubatan yang diperuntukkan di bawah Akta Perubatan 1971 ialah untuk menghadapi masalah kekurangan pegawai perubatan dalam perkhidmatan perubatan. Ianya adalah satu-satunya faktor yang membolehkan Kementerian Kesihatan memberikan perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang luas, bermutu tinggi, seimbang dan berterusan bagi semua rakyat di negara ini. Pegawai-pegawai perubatan bukannya sahaja berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan bahkan jua dengan Kementerian Pertahanan, fakulti-fakulti perubatan di universiti-universiti tempatan serta badan-badan Kerajaan dan separa Kerajaan yang lain.

Usaha mengembang dan meningkatkan lagi perkhidmatan-perkhidmatan perubatan dan kesihatan di bawah Rancangan Malaysia Keempat terutama di luar bandar akan memerlukan lebih banyak lagi pegawai-pegawai perubatan. Sungguhpun pengeluaran pegawai-pegawai perubatan dari universiti-universiti tempatan dan luar negeri akan bertambah, akan tetapi bilangan pegawai yang diperlukan untuk menampung perkembangan perkhidmatan perubatan dan kesihatan di negara ini jua akan bertambah. Oleh itu Kementerian Kesihatan memerlukan seberapa ramai pegawai perubatan yang mempunyai kelayakan tiap-tiap tahun untuk berkhidmat dengan Kerajaan bagi menjamin

pencapaian matlamat-matlamat Kementerian dalam usaha-usaha untuk meninggikan taraf kesihatan penduduk-penduduk di seluruh negara.

Kebanyakan pegawai-pegawai perubatan yang meletakkan jawatan terdiri dari mereka yang baru dan yang beberapa tahun sahaja telah menyempurnakan perkhidmatan wajib mereka. Ini menunjukkan jika perkhidmatan wajib ini tidak dikenakan, maka kemungkinan besar lebih ramai lagi akan meletakkan jawatan pada tiap-tiap tahun yang mana akan menjejaskan mutu perkhidmatan dan kesihatan di negara ini.

Berdasarkan asas-asas pertimbangan ini, adalah jelas bahawa Kementerian Kesihatan masih lagi menghadapi masalah kekurangan pegawai-pegawai perubatan. Peruntukan Bahagian VII Akta Perubatan 1971 sejak mula berkuatkuasanya, telah membantu Kerajaan mengurangkan masalah kekurangan pegawai perubatan ini. Oleh demikian, Kerajaan memerlukan peruntukan Bahagian VII Akta Perubatan 1971 diteruskan tempoh kuatkuasanya supaya perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang sempurna dan bermutu tinggi dapat dibekalkan kepada rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan ketetapan bahawa peruntukan Seksyen 39 (3) Akta Perubatan 1971, Bahagian VII hendaklah terus berkuatkuasa bagi tempoh 5 tahun lagi mulai dari 1hb Oktober, 1981 untuk diluluskan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan satu usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kesihatan, iaitu Bahawa Majlis ini membuat ketetapan bahawa mengikut peruntukan seksyen-kecil (3) Seksyen 39 Akta Perubatan 1971, Bahagian VII Akta itu hendaklah terus berkuatkuasa bagi tempoh lima tahun lagi mulai dari 1hb Oktober, 1981, terbuka untuk dibahaskan.

3.52 ptg.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa

perkara yang besar yang saya hendak bercakap pada petang ini bukanlah meluluskan kehendak-kehendak Yang Berhormat Menteri, tetapi mengadakan cadangan yang terbuka dengan tidak diwujudkan Rang Undang-undangnya adalah satu perkara yang luar biasa yang tidak dapat dinikmati dan diikuti oleh Ahli-ahli Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham daripada ucapan Yang Berhormat Menteri tadi iaitu memohon kelulusan Dewan ini bagi memanjangkan khidmat kedokteran yang boleh dikuatkuasakan oleh Kerajaan selama lima tahun sebelum mereka meletakkan jawatan. Perkara itu memang mudah dan dengar faham tetapi cara yang dijalankan itu tidak sepatutnya kita buat sedangkan kuatkuasa ini dikehendaki bermula pada bulan Oktober, bukan satu perkara yang dikehendaki dengan serta merta. Kalau sekiranya perkara ini dikehendaki dengan serta merta patut dicadangkan di Dewan ini mulai Jun, 1981, saya rasa itu menasabah. Tetapi dia berkehendakkan bulan Oktober 1981 baru berjalan kuatkuasa cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri. Kalau begitu keadaannya, apa salahnya dikeluarkan Rang Undang-undang yang macam ini, mana dia Seksyen-kecil (3), Akta Perubatan 1971, Bahagian VII supaya dapat disemak oleh Ahli-ahli Dewan oleh kerana hari ini ada dua orang Ahli Dewan yang baru. Walaupun mereka bijaksana tetapi kalau sekiranya baru masuk sekurang-kurangnya memerhati dahulu. Kalau ini amalan yang dijalankan Dewan ini nanti dikatakan oleh orang rubber stamp juga. Apa Yang Berhormat Menteri itu hendak, kita luluskan sahaja. Kita ada tiga tahun satu penggal, kita mesti ada facilities. Saya tidak membangkang cadangan ini tetapi cara prosesnya yang saya bangkang. Saya sokong Dewan ini meluluskan kehendak-kehendak yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri tetapi cara memprosesnya dibentangkan di dalam Dewan ini, ini tidak patut. Kalau ini telah diluluskan oleh Dewan Rakyat, Dewan Rakyat sendiri patut juga mengkaji masalah ini. Saya harap pada masa yang akan datang sebarang permohonan mestilah diwujudkan terlebih dahulu kecuali kalau perkara itu perkara mustahak, yang mesti diluluskan oleh Dewan

dan dikuatkuasakan serta merta. Memandangkan apa yang diwujudkan ini ialah berkuatkuasa bulan Oktober, 1981, masih ada masa lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat Menteri Kesihatan tidak gusar dengan saya kerana hasrat saya bercakap ialah cara memprosesnya. Tetapi hasrat yang dikehendaki supaya ianya boleh diberi kuasa, itu saya sokong. Jadi saya pendekkan ucapan saya, saya sokong apa kehendak Yang Berhormat Menteri Kesihatan, dia baca saya jawab. Sama-samalah kita saksikan dalam Seksyen-kecil (3), Seksyen 39 Akta Perubatan 1971 Bahagian VII, kita carilah sendiri kalau kita mahu dan turunlah ke Perpustakaan bagi meneliti perkara itu dengan lebih lanjut.

3.57 ptg.

Dato' Yap Peng: Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong usul yang baru dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita sudah mendengar alasan-alasan yang diberi tentang mengapa tempoh perkhidmatan doktor-doktor yang berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia perlu dilanjutkan selama lima tahun lagi. Memandangkan kepada hakikat bahawa kekurangan doktor ini perlu diatasi segera maka dengan itu kita semua harus memberikan sokongan yang penuh terhadap usul ini.

Usaha ini adalah merupakan satu langkah sementara sahaja bagi mengatasi masalah kekurangan doktor di negara ini. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun Malaysia sangat memerlukan lebih ramai lagi doktor-doktor yang berkhidmat kepada masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa masalah kekurangan doktor ini perlu mendapat perhatian yang lebih serius dari pihak yang berkenaan. Satu perkara yang tidak dapat dinafikan ialah ramai pegawai-pegawai perubatan dan pakar-pakar perubatan kita telah keluar dari perkhidmatan Kerajaan dan masuk ke lapangan swasta. Apakah sebab-sebab yang mendorong mereka berbuat demikian?

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa Kerajaan hendaklah mengkaji dengan secara lebih mendalam dan serius tentang segala aspek yang berkaitan dengan perkhidmatan perubatan bagi para doktor. Apa yang perlu diambil berat oleh Kerajaan ialah perkara-perkara mengenai gaji, peluang-peluang naik pangkat dan syarat-syarat perkhidmatan bagi pegawai-pegawai perubatan kita mestilah cukup memuaskan kerana dengan ini sahajalah pegawai-pegawai perubatan dan pakar-pakar perubatan akan terus berkhidmat dengan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu saya ingin menarik perhatian pihak yang berkenaan bahawa kebanyakan hospital-hospital terutama di luar bandar masih tidak mempunyai alat-alat kemudahan atau kelengkapan-kelengkapan yang cukup. Keadaan ini telah menimbulkan berbagai kesulitan kepada pihak pegawai-pegawai perubatan yang memberi rawatan dan selain daripada itu pesakit-pesakitlah yang menerima akibatnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, seorang pesakit yang tenat yang tidak dapat dirawat dengan sempurna di hospital luar bandar kerana tidak ada alat-alat kemudahan tertentu di hospital berkenaan terpaksa dihantar ke sebuah hospital di bandar yang mempunyai kemudahan yang diperlukan. Ini besar kemungkinan pesakit itu akan meninggal dunia sebelum ia sempat dirawat di hospital yang mempunyai kelengkapan yang cukup tetapi jauh di bandar. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sudah seharusnya mengatasi kekurangan alat-alat kelengkapan di hospital-hospital dengan seberapa segera yang boleh demi kepentingan perkhidmatan perubatan yang memuaskan kepada rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin sentuh di sini ialah sekarang sudah sampai masanya pihak Kerajaan memperluaskan lagi keupayaan di universiti-universiti tempatan supaya boleh mengambil lebih ramai lagi pelajar-pelajar perubatan sebagai satu langkah-langkah yang positif ke arah usaha Kerajaan hendak mengatasi kekurangan doktor di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya sekali lagi menyokong usul ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditempokkan selama 30 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.04 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.30 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, *mempengerusikan Mesyuarat*)

4.38 ptg.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, untuk tindakan sementara, saya menyokong usul yang sekarang dibentang. Tetapi saya berharap untuk jangka panjang Kementerian Kesihatan akan mengkaji sedalam-dalamnya masalah kekurangan persediaan dan daya upaya pembuatan termasuk kekurangan daya manusia untuk keperluan penyelenggaraan perkhidmatan kesihatan di negara kita ini. Masalah kekurangan perkhidmatan kesihatan di negara kita pada masa ini jika dibandingkan dengan negara-negara yang maju amatlah rumit. Angka purata di negara maju adalah tiap-tiap seorang doktor berkhidmat untuk lebih kurang 500 rakyat sahaja. Di negara kita sekarang kedudukan purata adalah tiap-tiap seorang doktor berkhidmat untuk 4,000 rakyat jelata.

Jurang perbezaan ini patutlah dikaji dengan telitinya dan rancangan jangka panjang serta langkah-langkah tertentu untuk mencapai dasar yang seimbang dengan negara-negara maju patutlah dibuat dengan segera. Jika dibandingkan di kalangan negara-negara ASEAN, negara kita juga kebelakangan dari segi penyelenggaraan kesihatan. Di Singapura misalnya seorang doktor sedang berkhidmat purata untuk 1,000 rakyat sahaja. Di negara kita yang begitu makmur sekarang menyediakan seorang doktor untuk 4,000 rakyat dan dalam Rancangan Malaysia Keempat matlamat jangka panjang adalah untuk mencapai penyediaan seorang doktor untuk 2,200 penduduk dalam tahun 1990.

Angka-angka yang saya sebut ini patutlah menjadi penunjuk supaya dapat kita merancang satu dasar yang lebih hebat lagi supaya pada masa hadapan dapat kita capai

sasaran penyelenggaraan kesihatan di negara kita tidak berkurangan daripada mana-mana negara ASEAN malah seimbang dengan negara-negara yang maju.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menambahkan lagi doktor-doktor di negara kita ini pada jangka panjang patutlah kita membuka dan membesarkan lagi institusi-institusi dan fakulti-fakulti perubatan di negara kita supaya banyak lagi warganegara kita dapat latihan dan pelajaran dalam ilmu kesihatan, juga biasiswa-biasiswa patutlah ditambah lagi untuk diberi kepada pelajar-pelajar yang berminat mempelajari ilmu kesihatan di luar negeri. Ini adalah satu perkara yang amat mustahak oleh kerana pada pendapat saya negara-negara yang maju makmur dan dinamis mungkin dibangunkan oleh warganegara yang sihat, jasmani dan rohani.

Untuk jangka pendek, Tuan Yang di-Pertua, kekurangan pegawai-pegawai perubatan bolehlah diatasi dengan mengkaji balik imbuhan yang diberi kepada profesional-profesional yang berkhidmat dengan Kerajaan. Sebagai seorang profesional, saya sangatlah bersimpati dengan profesional-profesional yang bertugas dengan Kerajaan. Pendapatan mereka terlalu rendah jika dibandingkan dengan rakan-rakan sejawat mereka di sektor swasta sama ada mereka berkhidmat dalam perniagaan atau perindustrian ataupun mengamal perendirian (in private practice). Jurang perbezaan pendapatan kakitangan-kakitangan profesional Kerajaan patutlah diperbaiki dan gaji-gaji mereka patutlah diselaraskan dengan gaji-gaji rakan sejawat mereka di sektor swasta. Cuma dengan sebegini dapat kita menyekat pengaliran profesional-profesional termasuk doktor-doktor dan pakar-pakar perubatan keluar daripada jawatan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pengaliran doktor-doktor keluar daripada jawatan Kerajaan atau keluar daripada negara bukanlah perkara baru ataupun perkara luar biasa yang dihadapi oleh negara kita sahaja. Di negara orang putih, misalnya di Britain kebanyakan pegawai-pegawai perubatan mereka adalah orang hitam-hitam belaka, doktor-doktor putih boleh dikatakan semua beramal bersendirian ataupun berhijrah ke negara-negara yang boleh memberi

pendapatan yang lebih lumayan. Kuncinya, Tuan Yang di-Pertua, ialah wang. Jika imbuhan pegawai-pegawai perubatan Kerajaan negara kita berpatutan maka tentu dapat kita membanjiri hospital-hospital kita dengan doktor-doktor warganegara ataupun dari luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa negara yang ekonomi miskin dan tidak mampu membayar gaji yang seimbang dengan sektor swasta kepada doktor-doktor dan pakar-pakar perubatan yang berkhidmat dengan Kerajaan telahpun memberi kebenaran kepada doktor-doktor dan pakar-pakar perubatan Kerajaan mereka mengamal ataupun bekerja di klinik-klinik persendirian di waktu luar masa perkhidmatan Kerajaan. Dengan cara ini Kerajaan dapat perkhidmatan mereka sebanyak 40 jam seminggu dan mereka sebaliknya dapat menampung kekurangan pendapatan mereka dengan pekerjaan luar masa (overtime) di sekitar swasta.

Saya mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, pertama, imbuhan yang diberi kepada doktor-doktor dan pakar-pakar perubatan Kerajaan disemak balik dan diselaraskan seimbang dengan doktor-doktor dan pakar-pakar perubatan yang berkhidmat dengan syarikat-syarikat di sektor swasta. Atau pun cadangan kedua, doktor-doktor dan pakar-pakar perubatan diberi kebenaran untuk bekerja di waktu luar masa perkhidmatan Kerajaan untuk menampung pendapatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di negara-negara yang telah maju saya dapat melihat doktor-doktor prebet bertugas sebagai doktor-doktor Kerajaan di klinik-klinik mereka pada masa pagi dan selepas itu mereka menjalankan pengalaman bersendirian. Satu negara menamakan cara ini sebagai 'National Health Service Scheme'. Dengan cara ini rakyat jelata tidak bersusah payah membanjiri hospital-hospital Kerajaan yang jauh daripada kediaman mereka. Mereka boleh mendapat rawatan percuma daripada doktor-doktor prebet dan doktor-doktor prebet itu menuntut bayaran perkhidmatan mereka daripada Kerajaan. Pada pendapat saya skim begini amatlah baik untuk mengatasi kekurangan pegawai-pegawai perubatan Kerajaan oleh kerana rawatan yang tidak memerlukan

pakar-pakar dan kelengkapan-kelengkapan hospital dapat dilaksanakan oleh doktor-doktor prebet, di samping itu dengan cara ini doktor-doktor swasta dikerah memberi sumbangan mereka menampung kekurangan daya perubatan Kerajaan. Saya mencadangkan supaya Kerajaan mengkaji dan jika sesuai mewujudkan satu skim seperti National Health Service di mana rakyat jelata boleh mendapat rawatan daripada doktor-doktor prebet yang didaftarkan oleh Kerajaan.

Satu lagi sumber yang belum diikhtirakan oleh Kerajaan ialah memberi pelajaran melatih dan mempergunakan pegawai-pegawai perubatan separuh mahir atau paramedic. Banyak rakyat terutama sekali di kampung-kampung mereka tidak mahu pergi ke hospital melainkan semua ikhtiar dan jalan-jalan lain sudah habis, bila sampai ke hospital pun sudah teruk sangat dan susah dirawat. Jika kita ada paramedic di kampung-kampung seperti juga bidan-bidan, mereka dapat merawat penyakit-penyakit yang kecil dan biasa seperti demam, selsema, sakit perut dan lain-lain penyakit kecil biasa sahaja. Juga seorang paramedic itu mengetahui bila masanya pesakit itu patut dimasukkan ke hospital sebelum tenat. Juga di bandar-bandar mereka boleh merawat semua penyakit-penyakit yang kecil dan biasa sama ada di pejabat mereka ataupun pergi ke rumah dan ke tempat-tempat pesakit. Dengan itu saya mencadangkan Kerajaan mengkaji untuk mewujudkan satu profesion perubatan paramedic di negara kita menentukan pelajaran dan latihan mereka dan menggunakan tenaga ini untuk menampung kekurangan pegawai-pegawai perubatan.

Akhir kata, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini dengan sedikit sebanyak keterangan yang saya sebut tadi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Choo Kooi Fook.

4.50 ptg.

Dr Choo Kooi Fook: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun memberi sokongan atas cadangan Menteri Kesihatan untuk meneruskan tempoh perkhidmatan wajib selama tiga tahun kepada doktor-doktor baru kepada lima tahun lagi. Saya juga berharap masa yang didapati dari rancangan ini dapat

dirancangkan secara teliti dan serius. Dengan ini diharapkan perkhidmatan wajib ini dapat dimansuhkan pada hujung lima tahun akan datang.

Meneliti struktur gaji semasa, faedah-faedah tambahan serta kemudahan-kemudahan cuti dan jaminan yang diperuntukkan memang tidak wajar mengapa para doktor masih terus meninggalkan perkhidmatan di hospital Kerajaan. Tambahan pula kita dapat tahun doktor-doktor di pihak swasta pun kini telah sampai setakat ketepuan. Tidak boleh dipertikaikan lagi kehilangan doktor-doktor ke sektor swasta bukan tarikan ganjaran yang lebih ataupun lumayan dari sektor itu. Sebenarnya para doktor persendirian terpaksa bekerja dua kali ganda jika dibandingkan dengan doktor-doktor Kerajaan. Jadi bukan mereka suka bekerja di dalam sektor swasta. Meskipun begitu mereka ini tidak menerima ganjaran dua kali ganda seganding dengan masa dan usaha yang mereka curahkan. Persoalan yang timbul sekarang ialah mengapa para doktor-doktor kita cenderung meninggalkan perkhidmatan Kerajaan. Sebab-sebabnya telah dikeluarkan tadi oleh rakan saya di Dewan yang mulia ini. Salah satu lagi sebab yang ketara ialah ketidakpuasan.

Memang saya sedar, Tuan Yang di-Pertua, jika kita hendak dapat memuaskan semua pihak baik pihak luar ataupun pihak kalangan doktor tidak dapat kita hendak mewujudkan. Tetapi kepuasan pekerjaan merupakan faktor mustahak yang perlu menarik perhatian pihak berkuasa Kementerian Kesihatan. Timbulnya ketidakpuasan apabila doktor-doktor baru ini dibebankan dengan tugas-tugas yang terlalu berat di satu-satu unit perkhidmatannya khususnya di hospital-hospital desa kadangkala mereka ini dibiarkan terus berkhidmat selama-lamanya tanpa mendapat perhatian daripada pihak berkuasa.

Untuk menghadapi masalah ini adalah wajar diwujudkan satu sistem giliran bagi mereka di samping memperkenalkan peruntukan elaun khas sebagai dorongan untuk mereka berkhidmat di kawasan-kawasan desa.

Satu lagi sebab ialah pihak pengurusan bertindak secara keras terhadap doktor-doktor baru ini terutama mereka yang

mempunyai masalah (problematic doctors)—doctors who give the Administration a lot of trouble. Bukan dengan sengaja tetapi pada pendapat mereka heart mereka. Mereka terlupa doktor-doktor ini tidak boleh ditolak ke sana-sini mengikut kehendak hati mereka ataupun secara sewenangnyanya-wenangnyanya. Tindakan mereka ini telah menimbulkan ketidakpuasan yang lahir kerana kekurangan penyelarasan dan perhubungan manusia di antara doktor-doktor dan pihak pengurusan.

(*Dengan izin*) "In other words, the doctors-administration relationship is not healthy to keep the doctors happy in service. This is an area which I hope the Honourable Minister of Health will look into." Katanya seorang doktor baru dihantar ke sebuah klinik desa beliau dibiarkan menjalankan tugas-tugasnya tanpa mendapat perhatian daripada pihak berkuasa. Beliau dikekalkan berkhidmat di situ sehingga perasaan ketidakpuasan meresapi jiwanya barulah beliau membantah untuk ditempatkan di tempat lain umpamanya di bandar-bandar. Kadangkala bantahan beliau tidak dihiraukan oleh pihak yang berkuasa. Akibatnya beliau mengambil keputusan meninggalkan perkhidmatan Kerajaan dan membuat kerja secara bersendirian.

Jadi dari sini adalah jelas bukan semua doktor-doktor yang meninggalkan perkhidmatan Kerajaan adalah sebab kesukaran ataupun pihak swasta membayar gaji yang lebih.

Tuan Yang di-Pertua, demi mengekalkan perkhidmatan para doktor dengan Kerajaan dicadangkan jentera pengurusan pegawai-pegawai ini harus dikaji dan diteliti semoga dapat diwujudkan sistem perkhidmatan yang lebih baik bagi mereka.

Pengwujudan peruntukan dalam bentuk unit-unit kecil yang membolehkan lebih ramai doktor berpeluang dinaikkan pangkat perlu dipertimbangkan. Keutamaan yang diberi kepada doktor-doktor Ibu Kota dalam mengisi jawatan-jawatan kanan yang menjadi amalan semasa ini harus digururkan. Para doktor pakar sama ada bertugas di bandar ataupun di desa harus diberi peluang dan pertimbangan yang sama. Kenaikan pangkat tidak harus berdasarkan tempat bertugas

tetapi bersendi kepada kecekapan, dedikasi dan mutu profesion mereka. Dalam konteks ini saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri berkenaan yang sedang mempertimbangkan untuk menghantar lebih doktor-doktor pakar kepada hospital-hospital desa di mana perkhidmatan-perkhidmatan mereka sangat-sangat diperlukan.

Saya tidak menafikan bahawa perkhidmatan mereka ini juga dikehendaki di bandar-bandar tetapi janganlah semua mereka diletakkan di bandar-bandar besar di mana ada juga pakar-pakar swasta tetapi di kawasan-kawasan kecil, daerah-daerah kecil, hospital-hospital daerah di mana tidak mempunyai doktor-doktor pakar di situlah diharap Menteri Kesihatan mengambil tindakan meletakkan lebih ramai lagi doktor-doktor pakar di hospital daerah oleh kerana mereka di situ tidak dapat perkhidmatan doktor-doktor pakar swasta.

Saya juga berharap satu sistem perkhidmatan yang lebih menarik diwujudkan bagi doktor-doktor pakar di desa agar mereka terus berkhidmat di sana untuk bangsa dan nusa. Doktor-doktor dalam perkhidmatan wajib selama tiga tahun ini sewajarnya dipertimbangkan untuk latihan lanjut agar mutu perkhidmatan mereka dipertingkatkan lagi dari masa ke semasa. Cadangan ini harus dilaksanakan dengan penyeliaan yang wajar. Doktor-doktor desa harus diberi insentif untuk menghadiri kursus-kursus klinikal agar mutu perkhidmatan mereka akan menjadi bertambah baik. Kursus-kursus ini amat diperlukan kerana tidak dapat disangkal lagi sedikit demi sedikit mutu perkhidmatan doktor-doktor yang dihasilkan di negara kita sudah semakin merosot.

Dalam hubungan ini, saya ingin merujuk kepada sebuah universiti tempatan yang berjaya menghasilkan lebih kurang 50 doktor yang mempunyai darjah pencapaian yang setanding dengan universiti-universiti lain, bahkan universiti-universiti tempatan mahupun universiti seberang laut. Mungkin kerana kejayaannya dengan bilangan yang kecil itu universiti ini telah menambahkan empat kaliganda pelajar-pelajar fakulti perubatan tanpa menambahkan tenaga pengajar dan kemudahan-kemudahan makmal. Apa yang membimbangkan saya

ialah mutu pencapaian doktor-doktor yang akan dihasilkan sukar dikekalkan dan mungkin akan disangsikan. Saya berharap keadaan yang serius ini dibetulkan dengan segera agar perkhidmatan doktor-doktor kita dapat terus menikmati keyakinan dari orang ramai.

Janganlah kita mengorbankan mutu kerana bilangannya, terutama dalam bidang perkhidmatan perubatan. Adalah lebih beruntung menghasilkan segelintir doktor-doktor yang bermutu daripada menghasilkan banyak doktor-doktor yang disangkal kurang kebolehannya.

Adalah diharap Menteri Kesihatan kita, Tan Sri Chong Hon Nyan, akan mengambil perhatian dalam perkara ini apabila beliau mengumumkan dalam Dewan Rakyat baharu-baharu ini bahawa Malaysia mempunyai kemampuan menghasilkan 542 orang doktor setahun pada 1986. Perlu juga ditegaskan mutu doktor-doktor bakal ini adalah sama atau lebih tinggi sepertimana doktor-doktor yang lalu di negara kita.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Kesihatan di sini, berapakah doktor-doktor yang telah menamatkan perkhidmatan wajib selama tiga tahun ini, masih kekal ataupun terus berkhidmat untuk Kerajaan? Kalau majoriti mereka ini meninggalkan selepas tempoh itu, bermakna Kerajaan kita tidak menggunakan dengan berkesan tempoh selama 3 tahun itu untuk memperbaiki perkhidmatan kedokteran serta mewujudkan perkhidmatan yang memuaskan setanding dengan ganjaran mereka.

Saya ingin menegaskan lagi kepada Kementerian Kesihatan agar meneliti perkara ini secara serius supaya pada masa akan datang kelak doktor-doktor yang menamatkan perkhidmatan wajib mereka dengan Kerajaan akan kekal melanjutkan perkhidmatannya dengan Kerajaan. Dengan cara inilah hanya dapat kita mengatasi masalah kekurangan doktor Kerajaan.

Saya berharap dengan meneruskan pelaksanaan perkhidmatan wajib bagi tempoh lima tahun akan datang, akan terdapat doktor-doktor yang cukup dalam perkhidmatan awam moga-moga kita tidak akan memanjangkan tempoh perkhidmatan

wajib bagi doktor-doktor apabila tempoh ini tamat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh lagi satu perkara di sini iaitu cardio-thoracic unit. Saya berasa gembira kerana Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah mengesahkan bahawa negara kita akan menubuhkan satu unit dan satu pasukan doktor, jururawat dan teknisyen telahpun dihantar ke pusat seberang laut untuk latihan. Ini memang kita semua berasa bangga. Saya mencadangkan di sini dan berharap iaitu Yang Berhormat Menteri Pelajaran menubuhkan satu unit sahaja di negara kita, satu unit yang besar diletakkan di Kuala Lumpur—jangan pula satu unit di Johor bahru, satu unit di Kedah ataupun di Pulau Pinang dan satu unit lagi di Pantai Timur, dan semua ini hendaklah sederhana. Saya mencadangkan satu unit sahaja ditempatkan di Ibukota dan unit ini diwujudkan secara besar-besaran dengan mutu yang tinggi dan dapat ditandingi dengan pusat yang ada di Singapura ataupun di pusat yang ada di Filipina. Itulah pada pendapat saya harapan rakyat negara kita

Sebenarnya, kita telah ada satu unit di Universiti Hospital beberapa tahun dahulu tetapi nampaknya Kementerian Kesihatan tidak dapat mengekalkan perkhidmatan doktor-doktor pakar unit itu, barangkali oleh kerana sebab-sebab yang saya sebutkan tadi. Saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah menyasiat sebab-sebab mengapa mereka meninggalkan jawatan tersebut. Ini adalah perlu jika kita hendak menikmati secara lama-lamanya khidmat rombongan doktor-doktor pakar yang sedang menjalankan latihan apabila mereka pulang kelak. Perkara ini tidak dapat kita mengatasi dengan mewajibkan perkhidmatan mereka, terutamanya di kalangan doktor-doktor, sungguhpun kita boleh memaksa mereka berkhidmat, tetapi cara ini bukannya cara yang baik. Kita memaksa mereka berkhidmat, ya, mereka terus berkhidmat selama tiga tahun tetapi khidmat tanpa semangat atau dedikasi. Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, You cannot command enthusiasm. This will come automatically if we can provide a service which is both rewarding and satisfying to the doctors and the specialists. This is also an incentive for them to work hard and to improve themselves for the good of the

country. It is only in this way that we can hope to develop the best doctors to serve our people.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong cadangan Yang Berhormat Menteri Kesihatan Tan Sri Chong Hon Nyan tadi.

5.10 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain:
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi pandangan kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk tempoh perkhidmatan bagi doktor-doktor yang baru. Walaupun pada mulanya saya tidak ingin untuk membahaskan tetapi kerana memikirkan ada beberapa perkara, walaupun saya bukan seorang doktor atau pakar, tetapi sebagai orang yang selalu meneliti dan mengikuti rumah-rumah sakit yang kita selalu mengalami.

Dalam perkara yang pertama, untuk perhatian Yang Berhormat Menteri Kesihatan, dalam hal ini saya sependapat dengan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak, kita faham apa yang sudah diberi penjelasan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, tetapi apa yang mendukacitakan di saat ini, sedangkan Bill tidak dapat kita meneliti hari ini. Hanya yang dapat kita menerima jawapan, kalau kita mahu tahu, pergilah semak ke Perpustakaan Parlimen di bawah sana. Tetapi kalau semua Ahli Dewan merasa penting menjalankan penyemakan maka sudah tentu Dewan ini tinggal kosong.

Kedua, apa yang dicadang kalau hanya Yang Berhormat Menteri pandang baik, belum tahu lagi apa yang telah dialami oleh Ahli-ahli Dewan ada lagi kekurangannya, apa lagi saya sendiri, di mana kadang-kadang pengalaman itu lebih penting.

Dalam perkara yang ketiga, dalam masalah doktor ini apa yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri dengan membuat penelitian untuk menambah doktor-doktor ini, saya harap pihak Yang Berhormat Menteri juga mesti memikirkan masalah alat-alat, di hospital-hospital yang masih terdapat banyak kekurangannya lagi.

Perkara yang selanjutnya, yang paling penting sekali kepada masyarakat hari ini

ialah masalah ubat-ubat pula, supaya dapat diadakan ubat-ubat yang agak baik sedikit dan cukup, sama dengan perubatan dan ubat-ubat yang dibeli di klinik-klinik luar, kerana kadang-kadang kita pergi ke hospital ambil ubat lambat baik, kerana kurang bancohan ubatan itu dan alat-alatnya. Contoh ubat batok sahaja, jangan ubat yang lain. Kalau di klinik luar, sebentar sahaja diminum, baik. Maka inilah harapan saya agar mendapat perhatian dalam masalah ubat-ubat ini-penelitian dari segi doktor-doktor sahaja. Inilah yang paling penting kepada pesakit-pesakit agar doktor, walau doktor pakar sekalipun kalau ubatnya tidak mampan maka sipesakit itu tidak akan baik juga. Terpaksa pesakit itu pergi ke klinik-klinik luar untuk mendapatkan ubat-ubat. Ini saya harap pihak Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengambil perhatian sungguh-sungguh.

Perkara yang akhir sekali, saya tidak hendak bercakap panjang kerana apa yang hendak saya perkatakan dalam masalah kesulitan doktor, dalam masalah-masalah lain, kesulitan sudah diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kawan-kawan saya tadi. Kalau saya bercakap berulang kali maka pihak Yang Berhormat Menteri akan menjawab, itu sudah diperkatakan. Seberapa ringkas, walaupun bukan masalah doktor yang hendak saya cakapkan tetapi ini terlibat sedikit masalah lain dan saya harap Yang Berhormat Menteri Kesihatan dapat mengambil perhatian. Yang akhir ini bukan masalah doktor, bukan masalah perubatan, tetapi ada berkaitan juga masalah ini dengan Kementerian tersebut. Apa masalahnya? Masalahnya ialah masalah pakaian pegawai-pegawainya, khususnya jururawat-jururawat terlatih bagi wanita. Kerana baru-baru ini saya dapat satu salinan uniform Jururawat terlatih wanita yang mana mereka telah menghantar kepada pihak Kementerian. contohnya ini mereka photostat dan mereka hantar kepada saya, kerana ini satu contoh yang paling tertib. Oleh kerana contoh ini ada di tangan saya, maka teringat saya hendak membahaskan juga untuk perhatian Yang Berhormat Menteri Kesihatan supaya dapatlah perkara ini diberi kelulusan dengan segeranya. Masalah contoh uniform yang dihantar kepada pihak Kementerian Kesihatan, kalau sekiranya di waktu rehat nanti pihak Yang

Berhormat Menteri Kesihatan hendak melihat contoh itu ada di tangan saya, kebetulan pula saya ada bawa di sini.

Jadi inilah sahaja pandangan-pandangan saya sebagaimana yang telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat kawan-kawan saya.

Akhir sekali, dengan ini saya berterima kasih kepada pihak Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

5.17 ptg.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh jadi yang akhir sekali bangun membahaskan berkenaan dengan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan berkenaan dengan cadangannya hendak melanjutkan tempoh perkhidmatan doktor-doktor selama lima tahun lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong pada dasarnya cadangan yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan ini dengan sebab sebagaimana yang kita tahu memanglah negara kita ini negara yang kekurangan doktor-doktor dan sebagaimana yang dicakapkan oleh Yang Berhormat kawan-kawan saya sebelum daripada saya tadi sememangnya nasib rakyat negara kita ini nisbah di dalam bahagian perubahan adalah yang malang jika kita nisbahkan dengan negara-negara lain. Buat pada masa sekarang ini nisbah tiap-tiap 4,000 orang bagi satu doktor adalah satu nisbah yang terlampau jauh jika dibandingkan dengan negara-negara yang maju. Bahkan kalau kita banding dengan Singapura tiap-tiap 1,000 orang bagi satu doktor, yang lebih malang lagi sebagaimana yang dikatakan tadi doktor-doktor kita ini sudahlah kekurangan tetapi kebanyakannya ditempatkan di bandar-bandar sedangkan rakyat jelata yang negaranya telah mencapai kemerdekaan begitu lama masih lagi terbiar di dalam bahagian jasmani.

Kita tentulah berterima kasih kepada Kementerian Pelajaran, dengan sebab pada masa sekarang ini tidak ada penduduk atau kampung melainkan didirikan sekolah-sekolah untuk membimbing, untuk memberi pelajaran kepada anak-anak. Ini adalah satu perkhidmatan yang cemerlang. Tetapi kalau

kita bandingkan dengan kesihatan jasmani, kita dapati jauh sangat ketinggalan. Bahkan klinik-klinik yang ada di dalam negara kita terlampau kekurangan, sehingga klinik-klinik bidan masih banyak lagi di negara kita lebih-lebih lagi di negeri-negeri di pantai timur di mana orang-orang kampung masih lagi melahirkan anak-anak ataupun melahirkan bagi bayinya menerusi bidan-bidan kampung, jauh sekali dirawati oleh doktor-doktor. Jadi apakala usul Yang Berhormat Menteri Kesihatan ini dibentangkan di sini, saya adalah menyokong, walaupun perkara ini pada satu segi yang lain adalah bererti menindas kepada golongan doktor dengan sebab mewajibkan mereka supaya berada di dalam perkhidmatan Kerajaan selama lima tahun, itu bermakna penindasan. Tetapi memandangkan doktor-doktor di negara kita ini lebih-lebih lagi yang belajar di universiti-universiti kebanyakannya adalah dengan biasiswa daripada Kerajaan. Jadi sepatutnyalah mereka itu memberi sumbangan. Apalah salahnya kalau mereka memberi sumbangan kepada negara selama lima tahun bahkan 10 tahun sekalipun, ini adalah satu perkhidmatan.

Kepada saya adalah menjadi tugas kepada doktor yang telah menikmati wang rakyat semasa mereka belajar di universiti-universiti itu apakala mereka keluar, mereka itu wajib berkhidmat kepada rakyat di mana juga mereka diletakkan oleh jabatan ataupun oleh ketua mereka itu dan tidaklah boleh mereka memilih tempat sebagaimana sekarang ini. Adapun sebagaimana yang dikatakan oleh kawan-kawan saya tadi yang menyebabkan doktor-doktor itu hendak berhenti daripada perkhidmatan Kerajaan ini ialah kerana kekurangan gaji dan sebagainya, itu terpulanglah kepada mereka sendiri.

Kita hendaklah mengkaji daripada mana asal-usul mereka itu oleh kerana semasa mereka itu ingin belajar selepas daripada tamat sekolah menengah dan hendak masuk universiti, mereka itu merayu kepada Kerajaan, memohon biasiswa, memohon diberikan satu tempat di universiti, apapun syarat diletakkan kepada mereka itu, mereka akan menerima, tetapi apakala mereka telah keluar dan lulus daripada universiti dan menjadi seorang doktor misalnya, mereka itu

sudah masuk di dalam medan percaturan hidup, barulah dunia ini terbuka kepada mereka, mereka itu hendak memilih berkhidmat sendiri.

Jadi saya harap Kementerian Kesihatan dalam masa kita kekurangan doktor ini mestilah dasarnya itu jangan diubah-ubah melainkan hendaklah didahulukan kepentingan negara. Kalau hendak ditimbang juga saya menyokong sebagaimana dikatakan tadi, kalau sekiranya hendak diberi elaun sebagaimana elaun luar bandar kepada doktor-doktor itu saya menyokong juga, dengan sebab perkara seumpama itu biasa dibuat oleh Kementerian pelajaran pada masa Sabah dan Sarawak belum maju, pada masa mula-mula kita merdeka dahulu guru-guru daripada Malaysia yang pergi ke Sabah dan Sarawak diberikan elaun Sabah dan elaun Sarawak. Jadi siapa yang berkhidmat di sana akan menerima elaun itu tetapi sekarang setahu saya sudah dipotong elaun itu, tak ada lagi oleh sebab negeri Sabah dan Sarawak sudah setaraf sebagai satu unit dalam Malaysia. Begitu jugalah doktor, kalau sekiranya dia dihantar ke luar bandar di hulu Sungai Pahang, dekat gunung Tahan misalnya, itu patutlah diberi elaun. Apa salahnya, itu patut kalau dia diberi; doktor dalam bandar pun tidak marah. Tetapi yang mendukacitakan saya sebagaimana saya katakan tadi sekarang ini oleh kerana terlampau banyak doktor-doktor berhenti daripada perkhidmatan kerajaan, membuka klinik-klinik sendiri maka di mana-mana bandar juga kita boleh lihat banyak sekali klinik-klinik perebet, doktor membuka klinik masing-masing. Jadi kepada orang di dalam bandar adalah senang sekali, mereka itu tepuk dada tanya selera sendiri di mana mereka hendak pergi. Kalau hendak pergi berubat dengan doktor perebet misalnya di Kuala Lumpur ini, di Jalan Tuanku Abdul Rahman, boleh mereka pergi ke Klinik Sentosa, di sana ada pakar-pakar dan sebagainya. Kalau hendak pergi ke hospital Kerajaan pun boleh. Akan tetapi apa hal penduduk di luar bandar? Ini masalahnya.

Di dalam perkara seumpama ini, saya berharaplah pihak Menteri Kesihatan supaya timbang dengan adil, lebih-lebih lagi di Pantai Timur kita hendak membasmi penyakit, tetapi penyakit yang hendak dibasmikan itu

diharapkan kepada siapa? Diharapkan kebanyakannya kepada dresser sahaja. Itu sahaja yang menggantikan tempat doktor, jadi bererti rakyat Malaysia ini ada dua kelas—kelas pertama dan kedua. Orang yang 1st class ialah orang-orang bandar, nyawa dan kesihatan mereka dipelihara oleh doktor-doktor yang pakar dan doktor yang bagus, Bila mereka itu sakit boleh pergi di mana-mana klinik. Orang yang 2nd class iaitu orang di hulu-hulu Sungai Pahang, mereka itu mengharap kepada dresser sahaja. Dresser itu akan membawa ubat, jadi Kerajaan kita percaya kepada dresser itu menggantikan doktor-doktor. Perkara ini tidaklah wajar. Kalau rakyat nombor dua itu diserahkan nasibnya kepada dresser sahaja—memang tidak wajar, sepatutnya sebagaimana di bandar begitulah juga mereka di darat sana. Kalau sekiranya doktor-doktor itu tidak ditempatkan di darat, kesihatan mereka itu dijaga dengan diadakan lawatan perubatan.

Kita mendengar dan membaca di dalam akhbar misalnya di negara-negara maju, mereka itu mengadakan helikopter, mereka itu pergi ke kampung-kampung yang terpencil. Doktor-doktor itu boleh memberi rawatan dan sebagainya ke kampung-kampung. Tetapi Kementerian Kesihatan tidak ada menyediakan helikopter seperti itu. Jika belum disediakan diharaplah disediakan dengan mobile clinic dan sebagainya, tetapi syaratnya doktor-doktor mestilah pergi ke sana supaya tidaklah nasib orang-orang kampung, nasib orang darat, nasib orang desa itu diserahkan semata-mata kepada dresser tadi. Apa yang lebih dahsyat lagi ialah dresser pun tidak, doktor pun tidak iaitu penjual-penjual ubat. Penjual-penjual ubat itu bermaharajalela, dia pergi beli ubat-ubat yang lama dibawa dalam beg, pergi ke kampung-kampung. Dia tanya apa sakit—semua penyakit ada ubat dalam beg dia itu (*Ketawa*). Jadi entah berapa banyak orang-orang kampung sudah menjadi mangsa kepada penjual-penjual ubat itu sehingga penjual-penjual ubat itu berani, walaupun ada undang-undang melarang perbuatan salah itu, tetapi undang-undang itu tidak berjalan. Berani dia injek atau suntik orang kampung. Beginilah caranya nasib rakyat kampung di negara ini.

Sekarang ini kalau kita benar-benar kekurangan doktor, kita biasa menerima doktor-doktor kontrak daripada luar negeri seumpama daripada Indonesia. Doktor Indonesia apakala datang berkhidmat di Malaysia, mereka merasa sama juga macam mana dia berkhidmat dengan negaranya sendiri sebab udaranya sama dan menerima gaji di Malaysia ini dengan bersyukur dengan sebab wang Malaysia ini tinggi nilainya. Banyak doktor Indonesia yang saya temui, dia kata tak hendak balik ke Indonesia, mereka hendak bekerja di sini walau di manapun dia dihantar, tetapi oleh kerana kontraknya selama tiga tahun sahaja ataupun empat tahun sahaja, apakala habis kontrak terpaksa dihantar balik. Kalau kita benar-benar kekurangan doktor apakah salahnya orang-orang ini dilanjutkan lagi kontraknya. Apakah kita harapkan kepada doktor kita seumpama tadi, menurut kata orang Trengganu, doktor yang "celike" yang tidak berdedikasi, hanya mahu matawang semata-mata, lebih baik kita ambil doktor kontrak sama ada doktor daripada India, Taiwan atau daripada Indonesia, hantar ke kampung-kampung dan sebagainya.

Satu perkara lagi yang menyebabkan kekurangan doktor itu, saya nampak ialah dengan sebab keperluan hospital-hospital. Langkah Kementerian Kesihatan sekarang saya puji kerana di mana sahaja daerah (district) atau jajahan, ada cita-cita pihak Kementerian Kesihatan hendak mendirikan sebuah hospital sebagaimana yang diterangkan oleh Menteri Kesihatan sendiri. Ini saya mengucapkan terima kasih dan mengucapkan syabas kepada Menteri itu. Tetapi satu masalah perlu diperhatikan iaitu di dalam menjalankan atau pelaksanaan projek itu mesti kita pejamkan mata, mesti berjalan dengan lurus tak boleh tengok kiri kanan tetapi apa yang berlaku sekarang ini tidak demikian. Kebanyakannya pilih kasih iaitu di dalam mendirikan hospital-hospital itu di tiap-tiap negeri itu masing-masing berlumbalumba hendak mendirikan hospital. Jadi masing-masing buat baiklah kepada Menteri Kesihatan dan Menteri Kesihatan pun barangkali kerana tidak banyak kira, dia luluskan sahaja, tetapi dia mesti ingat bahawa Malaysia ini satu negara di mana negeri-negeri itu merupakan unit-unit sahaja. Apakah

ertinya kalau antara district yang tak sampai 10 batu jauhnya dibuat sebuah hospital. Saya tidak faham ini. Saya beri contoh di negeri Trengganu yang saya mewakili, di Besut sudah ada satu hospital yang didirikan sudah beberapa lama, kemudian didirikan pula di Pasir Putih yang 10 batu sahaja dari Besut iaitu hospital yang besar macam itu juga, 10 batu sahaja daripada Besut, sebab Pasir Putih di dalam negeri Kelantan, tidak ada kena mengena dengan Trengganu. Tetapi kepada Kementerian Kesihatan sama ada Trengganu, Kelantan atau Pasir Putih sama sahaja kerana di bawah urusannya. Apakala didirikan hospital di Pasir Putih ini sudah tentu bertawar-tawar, hospital di Trengganu mahu doktor pakar di situ, hospital di Pasir Putih mahu supaya ditempatkan doktor pakar di sini, Besut mahu supaya 10 orang doktor ditempatkan di situ, Pasir Putih mahu di sini macam mana? Apa akan jadi? Sebelum diluluskan mesti tengok berapa jaraknya 10 batu, kalau 10 batu tidak boleh, sekurang-kurangnya 20 batu itu caranya saya fikir. Saya minta maaf kerana saya bercakap bebas, saya tidak menyentuh mana-mana sebab ini sebagai misalan di dalam Dewan yang mulia ini.

Saya beri contoh hospital Besut, sebelum perang di kampung Raja sudah ada dibuat hospital batu, selepas perang diperbaiki lagi, tetapi entah bagaimana wallahualam sekarang ini sudah dipindahkan ke Jerteh 7 batu daripada situ. Bangunan yang sedia itu ditinggalkan begitu, harga beratus-ratus ribu, dibiarkan begitu sahaja, dibuat yang baru di sini kerana Jertih itu ada jalanraya, di kampung Raja tidak ada, masih lama. Akhirnya hospital lama di kampung Raja itu dijadikan tempat penempatan penagih-penagih dadah; mujurlah ada penagih-penagih dadah (*Tepuk*) boleh ditempatkan di situ, kalau tidak barangkali akan menjadi tempat penghisap-penghisap dadah bersarang di situ. Jadi cara yang seumpama inilah saya tabik kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan, kerana saya terpaksa bercakap macam itu supaya pada masa yang akan datang kita tidak kekurangan doktor kerana pentadbiran yang seumpama ini adalah rasa saya satu pentadbiran yang kecoh dan patut diperbetulkan.

Satu lagi sebagaimana yang disuarakan oleh saudara saya tadi berkenaan cara-cara kita berkehendakkan doktor itu supaya doktor-doktor boleh melapangkan masanya kepada perkhidmatan. Setahu saya di Indonesia semasa saya pergi ke Indonesia dahulu doktor-doktor bekerja separuh hari sahaja. Saya berada di Medan pada masa itu, saya dapati separuh hari sahaja mereka bekerja di sebelah pagi dengan Kerajaan dan sebelah petangnya bekerja sendiri, kerana Kerajaan Indonesia benarkan begitu. Saya tahu begitu kerana saya sakit mata, apakala pergi di Konsul kita di situ, saya hendak pergi berjumpa doktor Kerajaan, tetapi dia kata tidak usah, baik pergi di sebelah petang, kita pergi ke rumah doktor pada sebelah petang, sebab ubatnya baik sedikit, kerana kepunyaannya sendiri, pagi ini kepunyaan Kerajaan. Sayapun ikutlah cara dia, tetapi petang kita kena bayar. Itu satu daripada cara yang dibuat, tetapi kepada saya cara ini tidak bagus, sistem yang seumpama ini, saya tidak sokong, dengan sebab doktor itu tidak layan dengan betul, pagi dia kerja cara Kerajaan—ubatpun barangkali sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Salmah tadi kurang memuaskan. Oleh kerana dia hendak menarik pelanggan-pelanggannya itu maka di sebelah petang diberi ubat yang bagus-bagus kerana ubat itu kepunyaannya sendiri. Kepada saya kalau dibuat cara seperti ini, saya tidak menyokong, oleh kerana kalau tidak ada doktor langsung, apalah salahnya kita buat sementara sebagaimana kata pepatah Melayu: tiada rotan akar berguna.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi cara hendak mengeluarkan doktor-doktor sebagaimana kita tahu di negara kita ada 5 buah universiti. Di antara 5 buah universiti ini cuma 2 buah sahaja yang ada Fakulti Perubatan, yang 3 lagi tidak ada. Apa salahnya kalau sekiranya pihak Yang Berhormat Menteri Kesihatan berkira betul-betul, kalau sekiranya Universiti Malaya boleh mengadakan Fakulti Perubatannya, Universiti Kebangsaan Malaysia boleh mengadakan, mengapa Universiti Sains Malaysia tidak boleh mengadakan, dia lagi sains, begitu juga Universiti Pertanian. Kalau sekiranya 5 buah universiti boleh mengadakan 5 Fakulti Perubatan, tentu berapa banyak setahun kita

boleh mengeluarkan doktor-doktor. Tentang wang, saya rasa tidak menjadi soalan, tidak menjadi masalah lagi, fasal kewangan negara kita Alhamdulillah; sekarang ini negara kita kaya, negara minyak, negara getah, negara kelapa sawit dan sebagainya, cuma usaha sahaja sekarang ini. Alhamdulillah pihak Menteri Kesihatan telah memikirkan dahulu supaya tiap-tiap orang yang hendak berubat jantung berlubang kena dihantar ke Manila atau pergi ke luar negeri, sekarang ini cuma di negara kita sendiri. Tetapi sekiranya ikhtiar-ikhtiar yang seumpama itu kita gandakan, kita tidak usahakan dengan bersungguh-sungguh, saya fikir lambat lagilah kita akan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah saya hendak memberi peluang kepada ahli-ahli lain. Jadi pada dasarnya saya menyokonglah perkhidmatan doktor-doktor ini dilanjutkan lagi tempohnya dan kalau sekiranya boleh sebagaimana saya kata tadi hendaklah difikirkan dengan bersungguh-sungguh nasib penduduk-penduduk di luar bandar itu supaya janganlah mereka itu tercicir dan janganlah nasib mereka itu begitu malang maka di dalam bahagian perubatan ini hendaklah disamakan. Saya harap di masa yang akan datang janganlah hospital ini didirikan di bandar-bandar sahaja tetapi di luar-luar bandar juga supaya jangan dikatakan ini hospital desa, tetapi barangnya semuanya di dalam bandar. Saya tidak nampak hospital-hospital didirikan di luar bandar ataupun di hulu-hulu.

5.37 ptg.

Tok Pangku Pandak Hamid bin Puteh Jali:

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang sedikit mengenai Kementerian Kesihatan kita dalam negeri ini.

Saya seperti kata kawan-kawan saya yang sudah bercakap terlebih dahulu daripada saya ini, sayapun menyokong juga usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan tadi iaitu mengenai perkhidmatan doktor-doktor dilanjutkan daripada tiga kepada lima tahun. Saya sangat-sangat menyokong.

Di sini saya merasa sedikit ragu-ragu iaitu mengenai perjalanan kedokteran seumpamanya di tempat saya sana ada 3-4

buah hospital berhampiran seperti kata Dato Haji Mahmoud Salim tadi 20 batu satu hospital, 20 batu lebih kurang satu hospital. Jadi di sinilah saya ingin menyentuh sedikit sebanyak tentang keraguan orang-orang kampung, selalunya apabila isteri-isteri di dalam mana-mana kampung sama ada kampung baru atau kampung lama apabila mereka sudah cukup masanya hamil mereka pergi berjumpa doktor untuk memeriksa anak di dalam kandungannya di klinik. Walaupun sudah sampai ke klinik daerah itu apabila cukup masanya daripada klinik ini mereka diarahkan pula ke klinik yang besar, tetapi klinik yang besar sana dia tidak ambil tindakan daripada klinik yang mula-mula tadi, dia buat cara sahaja dia tidak peduli cakup orang sana, orang sana kata pergi bersalin ke sana, barang-barang di sana cukup, perkakas cukup dan doktor banyak. Jadi orang ini pun buatlah begitu, mereka ini tidak dipedulikan seperti kata orang Melayu pendapat orang lain, wal hasilnya kedokteran ini lebih kurang sama juga pendapatnya kerana mereka sudah disahkan oleh guru-guru di England. Di sini nampaknya sudah berlainan kalau dibawa ke Ipoh, Ipoh ikut pendapatnya sahaja, dia tidak peduli cakup orang sana. Orang sana kata bersalinlah di hospital, jangan bersalin di rumah, jadi orang itu bersalinlah di hospital, tetapi orang di Ipoh buat cara dia.

Kita dalam Dewan ini pun nampaknya tiap-tiap hari bersidang, ada Menteri-menteri menjemput kita pergi Seminar ke Kementerian mereka. Saya harap Menteri Kesihatan, Tan Sri Chong Hon Nyan, dapat mengambil langkah-langkah macam yang saya katakan ini untuk memanggil doktor-doktor seumpama dari Taiping, Kuala Kangsar, Ipoh untuk berceramah. Jangan mereka membuat mengikut kehendak mereka sahaja; kehendak doktor di situ sahaja. Ini yang mendukacitakan orang kampung; mula-mula dahulu mereka tidak berapa suka kedokteran ini tetapi bila ada kakitangan yang baik, Ketua Pengarahnya pun baik menjalankan tugas-tugas mereka jadi mereka suka pergi ke hospital sama ada beranak, sakit atau patah. Tetapi sekarang sudah terencat sedikit apabila ada berlaku sedikit sebanyak yang menyusahakan hati orang-orang kampung, mereka sudah takut.

Di sini saya harap Menteri menasihatkan, umpamanya, course di England, Jepun atau sebagainya, satu pendapat macam malaria satu macam sahaja apa yang dituntut di sana, bila dibawa ke sinipun satu macam juga, tetapi di sini tidak, nampaknya keadaan berlainan lebih-lebih lagi macam di Hospital Kuala Kangsar itu kecil, Ipoh itu ibu negeri, jadi orang di sana membanggakan diri, mereka tidak peduli arahan-arahan orang di bawahnya.

Di sini saya harap Menteri berceramah dengan mereka itu untuk menasihatkan jangan buat kelakuan yang melebihi-lebih sangat. Macam saya sendiri mereka tidak tahu saya Senator, saya jalan kaki pergi ke situ atau naik bas, naik teksi; jadi mereka tidak kenal. Kalau ada bubuh plate kereta barangkali ada orang tahu sedikit. Di sinilah nampaknya meninggikan diri di kalangan doktor-doktor di situ. Saya dengar Ketua Perubatan itupun mereka tidak peduli. Saya harap Menteri pergi tinjaulah sedikit. Itulah sahaja, sekian.

5.43 ptg.

Dato Haji Ismail bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya suka membahaskan usul yang dibentangkan dalam Dewan ini oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan bagi melanjutkan kuasa menetapkan perkhidmatan doktor dari tiga tahun kepada lima tahun lagi.

Yang menimbulkan masalah doktor-doktor ini meletakkan jawatan atau berhenti, membuka perkhidmatan sendiri ialah timbul akibat tidak puas hati dan tidak mendapat pendapatan yang lumayan. Mereka juga seperti manusia biasa suka juga hendak mendapat nikmat-nikmat sebagaimana pegawai-pegawai lain merasai nikmat-nikmat yang lain. Untuk menjadi seorang doktor bukanlah mudah iaitu sekurang-kurangnya 6 atau 7 tahun; kadang-kadang boleh jadi ada yang sampai 10 tahun. Di sini rasa saya profession doktor ini amatlah istimewa kerana doktor bertanggungjawab, pegawai kesihatan bertanggungjawab atas ketenteraman negara, keamanan negara, kesihatan negara, Kalau rakyat negara ini tidak sihat, sakit semua, saya fikir negara ini juga akan menghadapi serba kesulitan. Memandangkan begitu lama untuk menjadi seorang doktor

dan apabila tamat mereka sudah berumur lebih kurang 28 atau 30 tahun, mereka hanya berfikir mereka boleh hidup dalam 60 atau 70 tahun, jadi ada cuma 20 tahun lebih sahaja mereka hendak mencari keistimewaan hidup di dalam dunia ini. Dengan perasaan yang macam itu mereka berfikir tidak ada jalan lain walaupun dia diikat dengan apa jua undang-undang atau apa jua akta sekalipun, bila habis sahaja dia mesti berhenti juga.

Saya berpendapat mutu hidup doktor-doktor hendaklah diperbaiki dan saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Kesihatan supaya berfikir lebih jauh dan lebih panjang daripada mengadakan Akta yang semacam ini lebih baik cari jalan untuk memperbaiki lagi bagaimana dapat menahan mereka ini. Rasa saya kalau diberi pendapatan yang lebih kerana mereka ini untuk menjadi seorang doktor sangat lama dan bukan satu perkara yang mudah, seorang pelajar mestilah berhati-hati betul, kalau tidak banyak pelajar yang tidak mahu belajar menjadi doktor.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sebabnya mereka sentiasa keluar ataupun berhenti daripada melanjutkan perkhidmatan selepas dia diikat tiga tahun dan yang mendapat biasiswa sekarang ini sama ada dari Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri sudah pun diikat selepas tamat pengajian mereka mesti berkhidmat selama sepuluh tahun baru boleh mereka berhenti. Dahulu cuma lima tahun, sekarang sepuluh tahun. Adakah ikatan-ikatan yang semacam ini menjamin yang doktor itu tetap kekal berkhidmat kepada negara kalaulah pendapatan mereka tidak kita fikirkan sehalus-halusnya dan mutu perkhidmatan mereka tidak kita timbangkan dan diperbaiki dari semasa ke semasa.

Yang kedua, pada pendapat saya Pegawai Perubatan dan Pegawai Kesihatan adalah berlainan. Pegawai Kesihatan hanya berkhidmat di dalam daerah-daerah dan kebanyakannya tidak ada ijazah, yang tidak ada kelulusan yang lebih daripada Pegawai Perubatan. Tidak macam masa sebelum perang dahulu, kalau sebagai seorang Pegawai Kesihatan dia mesti ada kelulusan yang lain daripada Pegawai Perubatan dan dia berkhidmat, bertanggungjawab untuk memperbaiki mutu kesihatan dalam bandar dan

di luar bandar kerana orang-orang yang sakit yang pergi ke hospital itu ialah disebabkan oleh kesihatan yang tidak dapat dikawal oleh Pegawai-pegawai Kesihatan. Kalau Pegawai Kesihatan itu bertugas dan doktor yang menjadi Pegawai Kesihatan itu seorang yang betul-betul pakar dia tahu apa penyakit-penyakit yang timbul daripada benda-benda yang tidak sihat dan tidak bersih. Kalau kesihatan ini dapat diperbaiki saya fikir pesakit pun kurang masuk ke hospital.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita ikat dia selama tiga tahun, mereka ini kalau tidak diikat pun sambil dia berkhidmat dengan Kerajaan selama tiga tahun di mana-mana hospital, saya dapat tahu Pegawai Perubatan di hospital sambil dia berkhidmat sambil dia berkempen. Semua pesakit yang datang minta ubat kepadanya dia berkempen mengatakan nanti bulan depan atau tahun depan saya buka kedai, awak semua kalau hendak berubat datang ke kedai saya. Ini sudah berlaku, ada pun berlaku yang semacam ini. Kadang-kadang orang yang patut dapat ubat percuma pada masa beberapa tahun yang lepas dikenakan bayaran 50 sen dan sebagainya. Tetapi orang yang kenamaan, orang yang berada yang patut membayar lebih daripada itu kadang-kadang dapat ubat percuma. Ini semua ada perkara-perkara udang di sebalik batu untuk merawat mereka ini bila dia keluar daripada hospital membuka kelinik mereka sendiri. Itulah sebabnya apabila mereka keluar sahaja daripada hospital buka kelinik baru penuh dengan pesakit-pesakit.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menarik perhatian Menteri Kesihatan bagaimana yang dibincangkan dalam Dewan ini dan beberapa alasan-alasan yang diberi dalam Dewan ini untuk menyokong supaya perkhidmatan doktor ini dapat dipertahankan. Saya sokonglah sebagaimana rakan-rakan saya yang bercakap terlebih dahulu untuk memperbaiki dan memberi pendapatan yang lebih kepada doktor-doktor ini kerana memandangkan jasa mereka, memandangkan perkhidmatan mereka dan memandangkan bertahun-tahun belajar barulah menjadi kadang-kadang tidak menjadi, bukanlah seperti lain-lain perkhidmatan. Dengan alasan-alasan itu walaupun ini diperbaiki, pendapatan diberi, ditimbangkan lebih

lumayan, lebih baik daripada apa yang ada sekarang, rasa saya usul yang dibawa ini pun tidak timbul.

Saya rasa ramai anak negeri ini yang sekarang berkhidmat kepada negeri tidak kira apa bangsa tetapi kerana mereka juga ada mata, ada telinga ada nafsu dan nafsi suka hendak dapat lebih, sudah tentulah mereka boleh memilih mana satu yang dia dapat lebih; dia boleh keluar, dia boleh buat apa dia suka. Kalau kita ikat macam manapun, lepas tali dibuka diapun keluar juga.

Setakat itu sahajalah yang dapat saya berikan hujahan-hujahan untuk Yang Berhormat Menteri Kesihatan membuat pertimbangan yang sebaik-baiknya supaya perkhidmatan yang penting ini dapat kita kekalkan di dalam negeri ini untuk faedah rakyat, faedah negara seluruhnya dan janganlah kita pandai sahaja suruh mereka bekerja daripada pagi sampai ke malam; kadang-kadang doktor ini tidak dapat cuti, dari pagi sampai ke pagi pun tidak dapat juga cuti, malam bangun kerana ada panggilan, terpaksa pergi. Orang lain boleh berehat, orang lain boleh duduk, boleh berjalan. Mereka ini tidak mesti di situ juga siang malam. Kepentingan apa, ialah memandangkan kepentingan tugas dia kepada rakyat dan negara ini. Tetapi kita tidak mahu menimbangkan yang sebenar-benarnya yang sepatutnya kita beri kepada mereka ini supaya mereka kekal.

Tadi ada di antara rakan-rakan saya menyebut doktor daripada Indonesia dan sebagainya. Kita tahu doktor daripada Indonesia, di Indonesia sana gaji dia cuma \$60-\$70 sahaja kalau kita bandingkan dengan gaji doktor kita yang ada di sini. Di sana cuma \$60 di sini dapat \$2,000. Sepuluh tahun, dua puluh tahun pun dia mahu bekerja. Kita terpaksa mahukan anak bumiputra, anak negeri ini berkhidmat dalam negeri ini. Kalau kita hendak amalkan untuk memanggil doktor dari luar negeri—dari India, dari Bangladesh, dari Indonesia dan dari Taiwan dan sebagainya, kita tidak payah ada sekolah doktor lagi. Panggillah sahaja orang itu mesti datang sebab kita beri gaji yang baik. Tetapi itu bukan polisi kita. Polisi kita untuk membanyakkan doktor dalam negeri ini tetapi cara kita hendak membanyakkan, kalau

pendapatan dia tidak kita timbangkan mereka tidak akan hendak masuk ke sekolah doktor apatah lagi berkhidmat dalam negeri ini sebagai doktor, hendak kekal berkhidmat kepada negara ini jauh sekali.

Rasa saya itulah sahaja, saya harap Menteri Kesihatan dapat menimbangkan dengan sehalus-halusnya supaya kali ini membawa satu usul hendak mengikat lagi, melanjutkan kuasa untuk lima tahun. Boleh jadi masa akan datang tambah lagi lima tahun. Bilakah perkara semacam ini akan berhenti? Saya ucapkan terima kasih dan setakat ini sahajalah yang dapat saya berikan pandangan dan pendapat saya dalam Dewan yang mulia ini.

5.57 ptg.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, teguran dan kritik-kritik atas polisi Kementerian Kesihatan dan tentang pentadbirannya khasnya berkaitan dengan masalah yang kita hadapi petang ini tentang kekurangan doktor-doktor.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga bila saya kemukakan usul tadi saya tidak memberi satu penjelasan dengan terus terangnya oleh kerana nampaknya ada sedikit sebanyak kekeliruan tentang apa maksud saya dan apakah usul ini. Sebenarnya ini bukan satu Bil yang baru yang saya kemukakan. Ini ialah satu usul di bawah satu Akta Perubatan yang telah lama diwujudkan. Akta ini tahun 1971, dan jika sekiranya saya ataupun, dengan maaf, pihak Dewan Negara tidak membentangkan Akta ini, ini oleh kerana Akta ini lama telah diluluskan dan boleh diteliti di mana-mana juga tetapi untuk rekodnya dengan izin Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya menyatakan peruntukan-peruntukan dalam bahasa Inggeris oleh kerana Akta ini dalam bahasa Inggeris. Seksyen 39 yang saya maksudkan dalam Bahagian VII ialah berbunyi seperti berikut:

(Dengan izin)

“39. (1) It is hereby declared that this Part is enacted for national purposes.

(2) This Part shall remain in force for a period of five years from the date of coming into force of this Act.

(3) If Parliament decides that it is necessary for national purposes that this Part be continued to be kept in force Parliament may, from time to time, by resolution passed by each of the Houses of Parliament and Published in the Gazette provide that this Part shall remain in force for such further period or further periods each not exceeding five years as may be specified in the resolution."

Tuan Yang di-Pertua, maksud saya membacakan peruntukan ini ialah supaya memberi penjelasan usul yang saya bawa ke Dewan yang mulia ini ialah tentang tempoh di mana Kerajaan diberi kuasa untuk mewajibkan seorang doktor untuk berkhidmat dengan Kerajaan. Kuasa ini diberi kepada Kementerian untuk 5 tahun sahaja oleh Parlimen, kedua-dua Dewan Parlimen mesti membahaskan usul ini dan sebelum diluluskan tidak ada kuasa yang akan diberi kepada Kementerian Kesihatan.

Saya harap bahawa peruntukan ini tidak disalahfahamkan dengan satu perkataan lagi di dalam seksyen 41, Akta Perubatan. Dengan izin, saya ingin membacakan seksyen 41:

"41. A person who commences to serve in a post in a public service in pursuance of a notice issued under subsection (i) of section 40, shall continue to serve in the said post or in such other subsequent post or posts in the same or such other public service as may from time to time be determined by the Director-General in his discretion for a continuous total period of not less than three years to the satisfaction of the Director General."

Tempoh perkhidmatan yang wajibnya dengan Kerajaan ialah 3 tahun di bawah seksyen 41 tetapi kuasa ialah di bawah seksyen 39 (3) dan kuasa itu tidak diberi kepada Kerajaan seperti saya sebutkan tadi dengan tidak ada kelulusan di kedua-dua Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Baru-baru ini apabila Dewan Rakyat bersidang dalam bulan Jun, saya juga

mendapatkan kelulusan dari Dewan Rakyat supaya usul itu diluluskan dan hari ini saya membawa usul ini ke Dewan Negara yang bersidang hari ini dan dukacita jikalau Ahli-ahli Yang Berhormat tidak dapat notis yang lebih awal lagi tentang usul ini tetapi inilah cara Dewan yang mulia ini dan saya tidak ada cara yang lain untuk berbuat demikian. Saya harap dengan penjelasan ini bahawa apa-apa yang saya kemukakan tadi boleh dapat perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, khasnya Senator Dato Yap Peng, Senator Dato' Haji Mohd. Nor Mohamed, Senator Dr Choo Kooi Fook, Senator Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein, Senator Dato Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad, Senator Tok Pangku Pandak Hamid bin Puteh Jali dan Senator Dato' Haji Ismail bin Hassan yang telah memberi beberapa teguran tentang pentadbiran Kementerian Kesihatan.

Saya mengakui bahawa langkah ini ialah satu langkah yang tidak boleh dikatakan sempurna untuk mengatasi kekurangan doktor-doktor di sini. Langkah ini ialah satu langkah sementara sebelum kita mengadakan bilangan doktor-doktor dalam negara ini yang mencukupi dan Kementerian Kesihatan dengan adanya kerjasama Kementerian Pelajaran telah berusaha untuk menambah lagi bilangan penuntut-penuntut dalam universiti-universiti tempatan supaya bilangan penuntut-penuntut itu dapat dikeluarkan graduan-graduan ditambah dalam masa yang akan datang.

Saya merasa gembira untuk menyatakan bahawa Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan dan baru-baru ini Universiti Sains telahpun memberikan satu sambutan yang baik dan positif kepada permintaan saya supaya lebih banyak tempat-tempat diadakan untuk latihan penuntut-penuntut perubatan. Mengikut rancangan sekarang dan sepertimana saya juga mengumumkan di dalam Dewan Rakyat baru-baru ini pengambilan penuntut untuk perubatan menjelang tahun 1966 ialah 5 tahun yang akan datang ialah seramai 160 untuk Universiti Malaya, 192 untuk Universiti Kebangsaan dan 60 untuk Universiti Sains mula-mulanya bersama-sama dengan kira-kira 130 graduan

yang kita jangka akan balik dari luar negeri, misalnya dari Singapura, India, Eropah dan lain-lain kita akan mempunyai dengan harapan sepenuh-penuhnya seramai kira-kira 540 lebih orang doktor setiap tahun menjelang tahun 1985.

Saya juga menghargai pandangan Senator Dr Choo Kooi Fook sebentar tadi yang menyatakan bahawa walaupun kita menambah bilangan penuntut-penuntut di universiti-universiti tempatan, saya dan juga Kementerian Pelajaran serta universiti tempatan yang berkenaan harap bahawa mutu pelajaran dan mutu perkhidmatan doktor-doktor graduan-graduan dari universiti-universiti tempatan tidak merosot walaupun bilangan penuntut-penuntut bertambah.

Saya juga sedar tentang ada kala perasaan tidak puas hati dalam kalangan doktor-doktor dan kalangan profesional sepertimana yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Baru-baru ini juga gaji-gaji profesional dan gaji-gaji perkhidmatan awam telah dikaji semula oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Gaji di mana saya juga menjadi seorang ahlinya dan boleh dikatakan bahawa syarat-syarat perkhidmatan profesional sudahpun diperbaiki dan peluang-peluang untuk mereka naik pangkat, peluang-peluang untuk mereka melanjutkan pelajaran mereka dalam bidang-bidang iktisad sudah diperbaiki juga. Saya sedar juga bahawa dahulunya barangkali nisbah jawatan tertinggi dalam kalangan doktor-doktor dan profesional tidak berapa memuaskan jikalau dibanding dengan perkhidmatan-perkhidmatan awam tetapi perkara ini juga sudah diperbaiki dan jawatan-jawatan yang baru bagi kenaikan grednya dan jawatan baru sedang diisi.

Saya juga mengakui bahawa dalam tempoh 23 tahun selepas kemerdekaan walaupun kita ada rancangan yang boleh dibanggakan tetapi kita belum memuaskan semua kehendak rakyat Malaysia. Tujuan Kementerian Kesihatan dan Kerajaan ialah supaya perkhidmatan sosio-ekonomi ini diluluskan lagi. Di dalam semua rancangan lima tahun kita ada objektif-objektif yang dengan terustusnya akan melaksanakan satu program yang lebih komprehensif supaya kawasan-kawasan luar bandar, khususnya yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat yang

menyatakan tadi itu akan mendapat kemudahan yang lebih baik dari sekarang. Tujuannya ialah supaya seperti yang dinyatakan tadi setiap daerah mengadakan sekurang-kurangnya sebuah hospital. Jikalau belum ada hospital, hospital yang baru; jikalau hospital lama, hospital lama itu akan diperbaiki dan kemudahan-kemudahan lagi akan ditambah supaya dapatlah kelengkapan-kelengkapan yang cukup untuk semua hospital-hospital ini.

Senator Dato Yap Peng telah menyatakan bahawa barangkali kelengkapan-kelengkapan alat-alatan di dalam hospital khususnya di luar bandar belum lagi mencukupi. Saya boleh katakan di sini dengan murah hati jiran-jiran kita di rantau ini, saya pun telah melawat beberapa buah negara di rantau ini untuk melihat dengan sendirinya perkhidmatan perubatan mereka, dan saya boleh katakan di sini bahawa negara Malaysia tidaklah boleh dikatakan rendah sangat jika dibandingkan dengan mereka. Jikalau dikatakan pulau Singapura, Singapura satu pulau sahaja, penduduknya pun barangkali tidak lebih dari dua juta orang. Kita di Malaysia penduduknya lebih daripada 13 juta orang dan memanglah jikalau dibandingkan nisbah doktor dengan penduduk tidaklah selaras dengan Singapura tetapi dengan adanya daya usaha, kita harap bahawa dalam masa yang akan datang nisbah ini boleh diperbaiki lagi.

Saya juga bersetuju bahawa jikalau hendak terikat seseorang itu sahaja dengan undang-undang adalah senang, tetapi hendak dikekalkan perkhidmatan mereka supaya mereka bolehlah menjalankan tugas-tugas mereka dengan perkataan Senator Dr Choo Kooi Fook tadi enthusiasminya inilah yang menjadi satu masalah yang rumit dan saya sendiri sebagai seorang Menteri Kesihatan mengakui bahawa ada juga kelemahan-kelemahan tentang pentadbiran ini. Barangkali ada belas kasihan, ada juga barangkali doktor-doktor yang telah dihantar keluar bandar selama-lamanya oleh kerana barangkali sikap beliau tidak dapat menyesuaikan diri dengan pendirian Tuan Pengarah dan sebagainya. Tetapi sekarang ini Kementerian membuat satu dasar di mana setiap doktor yang berkhidmat dalam Kementerian Kesihatan mesti ditempatkan di luar bandar sekurang-kurangnya dua tahun

dalam perkhidmatannya. Dengan dasar ini, saya harap bahawa jikalau dasar ini berjalan dengan baiknya, doktor-doktor bolehlah ditempatkan di luar bandar dengan adanya giliran.

Ada kalanya masalah yang timbul iaitu kebanyakan doktor-doktor seperti juga pegawai-pegawai yang lain tidak berapa berminat untuk berhijrah ke luar bandar. Mereka berpendapat bahawa di luar bandar barangkali tidak ada peluang untuk mereka melanjutkan pelajaran. Ada kalanya bukan dia tidak suka, dia juga suka hendak berkhidmat di luar bandar, tetapi mereka juga sebagai doktor iktisas hendak juga mendapat pengalaman dalam satu hospital yang besar di mana ada pakar-pakar yang boleh menunjuk ajar kepada mereka. Ini satu masalah pentadbiran juga dan saya harap bahawa dengan adanya dasar yang tertentu bahawa kita boleh dapat memberi peluang-peluang kepada semua doktor-doktor walaupun mereka bertugas di luar bandar.

Yang Berhormat Dato Haji Mahmoud Salim telah menyatakan apakah dasar Kementeriannya untuk menubuh hospital-hospital walaupun barangkali ada hospital yang berhampiran antara satu dengan yang lain. Ini akibat dari negeri-negeri yang menuntut ataupun dari segi politik ataupun yang lain. Memanglah menjadi satu masalah yang dihadapi oleh Kementerian Kesihatan supaya menubuhkan hospital-hospital dan klinik-klinik di mana-mana tempat juga oleh kerana perasaan tempatan mesti ada. Walaupun misalnya saya tidak sebut negeri yang lain, tetapi saya sebut negeri saya sendiri, Melaka.

Di Melaka misalnya Daerah Jasin belum ada sebuah hospital daerah tetapi apabila mereka katakan apa sebabnya Jasin belum ada hospital daerah, saya kata, orang Jasin bolehlah pergi ke Tangkak, Tangkak ada sebuah hospital—dekat sahaja. Mereka tidak puas hati juga. Mereka kata Daerah Jasin mesti ada hospitalnya sendiri. Ini satu contohnya di mana Wakil-wakil Rakyat khasnya dan tempat-tempat yang berkenaan minta dengan bersungguh-sungguh supaya mereka juga mengadakan hospital-hospital dan kemudahan-kemudahan. Tetapi ini bukan kita pandang dari segi politik sahaja.

Kita juga pandang dari segi kemajuan satu-satu kawasan yang berkenaan.

Dalam tinjauan Kementerian Kesihatan dan juga Kerajaan dengan adanya perundingan-perundingan dengan pihak EPU dan sebagainya, kami semua tahu bahawa kawasan-kawasan di Trengganu, Kelantan akan terus maju dengan pesatnya dalam masa akan datang iaitu dalam masa yang singkat juga. Trengganu sudah kaya dengan sumber minyak dan Kelantan dibuka dengan cepatnya dengan kawasan-kawasan yang baru, oleh kerana itu kita berpendapat bahawa ada baiknya jikalau kawasan-kawasan seperti itu bolehlah mengadakan kemudahan-kemudahan yang lebih lagi.

Saya tidak ada hasrat untuk menyentuh satu persatu demi untuk menjimatkan masa Dewan yang mulia ini, melainkan tentang perkhidmatan barangkali boleh diharapkan sebagai 1st class, 2nd class di bandar ataupun di luar bandar.

Di sini saya suka memberi sedikit penjelasan tentang apa sebabnya di ibu kota khasnya ada terdiri hospital-hospital yang boleh dikatakan besar dan hospital daerah ada sedikit dan di luar bandar cuma barangkali ada klinik-klinik sahaja. Ini oleh kerana seperti kata dalam bahasa Inggeris ia mengikut satu cycle, oleh kerana kekurangan doktor dan pakar, kita tidak boleh dapat menempatkan doktor-doktor kepakaran kepada semua pihak dan di semua kawasan walaupun saya sendiri ada hasrat berbuat demikian. Oleh kerana itu ada tiga lapisan sekarang ini dalam perkhidmatan perubatan; satu di peringkat klinik Pusat Kesihatan Besar di mana ada doktor. Sekarang ini ada juga satu yang rendah daripada itu iaitu Pusat Kesihatan Kecil di mana tidak ada doktor. Saya sudah memberi arahan supaya kita mansuhkan sahaja Pusat Kesihatan Kecil dan dalam masa yang akan datang apabila kita mengadakan sumber tenaga yang lebih baik dan banyak, semua klinik-klinik mesti mengadakan sekurang-kurangnya seorang doktor. Bermaknanya semua klinik yang akan datang dibina sebagai Pusat Kesihatan Besar di mana ada doktor-doktor, dan di daerah-daerah mesti mengadakan hospital daerah sekurang-kurangnya satu, dan jikalau dapat kita akan menempatkan di hospital daerah pakar-pakar

dalam bidang-bidang yang asas. Tetapi sekarang ini tidak boleh lari daripada satu kedudukan di mana dalam hospital besar sahaja di ibu kota dilengkapkan dengan kemudahan-kemudahan yang lain. Tetapi saya haraplah dasar Kementerian supaya menyelaraskan imbohan yang sedang ada di antara luar bandar dan bandar dan saya harap bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat tidaklah menganggapkan bahawa kita tidak menghiraukan ataupun tidak mengambil berat tentang masalah kesihatan luar bandar. Walaupun barangkali setakat ini ada jururawat-jururawat sahaja yang menjalankan tugas-tugas dalam kampung-kampung yang berkenaan mereka juga dapat latihan dan ada pengalaman untuk memberi ubat-ubatan kepada pesakit-pesakit yang tidak begitu teruk sakitnya.

Dalam 5 minit lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh tentang ubat-ubat yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajjah sebentar tadi. Sebenarnya mutu ubat-ubat yang kita beri dalam Kementerian ini sudah terjamin. Saya ingat adalah satu salah fahaman bahawa ubat yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan di hospital-hospital adalah rendah mutunya jika dibandingkan dengan ubat-ubat yang diberi oleh klinik-klinik swasta. Apa yang menjadi masalah ialah oleh kerana seorang pesakit luar cuma membayar 50 sen sahaja untuk mendapat ubat kadangkala orang itu kata, oh, ubat ini 50 sen sahaja, barangkali ubatnya tidak baik eloklah dibuang. Kalau dia pergi beli ubat dari klinik swasta apabila dia bayar \$5.00 sudah tentulah ubat itu baik, tetapi jikalau dikaji dengan teliti ubat dalam hospital lebih terjamin. Malangnya, di luar sekarang ini ada juga ubat-ubat tiruan dan saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah menyeru kepada rakyat bahawa janganlah katakan ubat dalam hospital tidak baik mutunya kerana ubat itu adalah terjamin oleh kerana kita membeli ubat-ubat itu dari pembekal-pembekal ubat yang ada mutu yang tinggi.

Berkenaan dengan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat tentang gaji dan syarat-syarat perkhidmatan doktor-doktor, kami juga sedar tentang masalah ini tetapi apa boleh buat, perkhidmatan Kerajaan ini adalah

bergantung satu dengan yang lain. Jikalau kita menaikkan gaji doktor umpamanya barangkali lain-lain pegawai ikhtisas akan minta juga supaya kita menaikkan gaji mereka. Apa yang kita boleh buat ialah supaya mengadakan satu skim yang sekurang-kurangnya boleh dikatakan memberi keadilan kepada semua yang bertugas dalam Kerajaan.

Saya bersetuju bahawa langkah ini mestilah dianggap sebagai satu langkah sementara. Berkenaan dengan penjelasan yang diminta tentang berapa lamakah kita boleh mengadakan kuasa ini, ini terpulang kepada Dewan Rakyat dan Dewan Negara oleh kerana mengikut peruntukan yang baru saya bacakan, kedua-dua Dewan Parlimen mestilah luluskan dahulu untuk memberi kuasa kepada Kerajaan meminta seorang doktor untuk bertugas dengan Kerajaan. Dengan itu saya harap bahawa usul yang saya kemukakan sebentar tadi dapat diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul ini kepada Majlis bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan.

Bahawa Majlis ini membuat ketetapan bahawa mengikut peruntukan seksyen-kecil (3) Seksyen 39 Akta Perubatan 1971, Bahagian VII Akta itu hendaklah terus berkuatkuasa bagi tempoh lima tahun lagi mulai dari 1hb Oktober, 1981.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG MEMINDA AKTA TIMBANG DAN SUKAT (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama "suatu Akta untuk meminda Akta Timbang dan Sukat, 1972" dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Timbang dan Sukat, 1972 ialah suatu Akta yang bertujuan mengadakan unit-unit sukatan dan piawai-piawai jisim dan sukat berdasarkan Sistem Unit Antarabangsa (SI) atau Sistem Metrik serta membuat peruntukan-peruntukan mengenai perkara yang berkenaan dengannya. Akta tersebut telah memperuntukkan tempoh masa 10 tahun untuk Malaysia menukarkan ke Sistem Metrik sepenuhnya iaitu selewat-lewatnya pada 30hb Mac, 1982.

Sebelum Akta ini diluluskan, piawai-piawai jisim dan sukat yang digunakan di Malaysia dibuat di bawah Enakmen-enakmen dan Ordinan-ordinan Timbang dan Sukat Negeri-negeri. Piawai-piawai ini berdasarkan sistem 'Imperial' dan unit sukatan yang 'tradisional' seperti gantang, kati, relong dan lain-lainnya.

Sejak Akta Timbang dan Sukat 1972 diuluskan langkah-langkah telah diambil untuk melaksanakan Sistem Metrik di Malaysia secara berperingkat-peringkat di sektor Kerajaan dan sektor swasta. Kejayaan yang telah dicapai dalam kedua-dua sektor ini boleh dikatakan memuaskan.

Di sektor Kerajaan banyak agensi-agensi Kerajaan telahpun bertukar ke sistem metrik dalam urusan-urusannya seperti Perkhidmatan Pos, Perkhidmatan Kajiucuaa, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Lembaga-lembaga Pelabuhan, Keretapi Tanah Melayu, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Percetakan Negara, Jabatan Pemetaan dan lain-lain Kementerian.

Perlaksanaan sistem metrik di sektor swasta pula adalah menggalakkan. Industri-industri, khasnya yang besar-besar dan mempunyai hubungan antarabangsa, telah dengan sukarela bertukar ke sistem metrik. Di bidang borong dan runcit sistem metrik akan dilaksanakan sepenuhnya pada 1hb Januari, 1982.

Tuan Yang di-Pertua, semasa melaksanakan penukaran ke sistem Metrik, Kementerian saya mendapati beberapa perkara yang perlu diperkemas dan diteliti untuk melicinkan lagi pengawalan dan pentadbiran timbang dan sukat serta pelaksanaan sistem itu. Salah satu langkah

untuk memperkemas pelaksanaan sistem metrik ialah dengan meminda Akta Timbang dan Sukat 1972. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat terdapat dua pindaan utama dalam Rang Undang-undang ini iaitu:

- (a) Pindaan ke atas Seksyen Kecil 1 Seksyen 6 untuk memberi kuasa kepada Menteri menentukan (verify) dan memperakui (certify) Piawai-piawai Utama Malaysia mengikut cara yang difikirkan sesuai. Peruntukan yang sedia ada memerlukan Piawai-piawai Utama Malaysia ditentukan dan diperakui mengikut syarat-syarat Piawai Jisim dan Sukat Prototip (Prototype) Antarabangsa di bawah kawalan Biro Antarabangsa Timbang dan Sukat yang beribu pejabat di Negeri Perancis. Kerajaan selepas mengkaji dengan teliti mendapati bahawa peraturan seperti ini adalah tidak praktikal kerana untuk mendapatkan penentuan dan pengakuan dari Biro tersebut akan mengambil masa yang panjang. Selain daripada itu pengalaman beberapa negara yang telah menukar ke sistem metrik menunjukkan peraturan ini adalah tidak perlu. Tambahan pula, Malaysia bukanlah ahli kepada Biro Antarabangsa Timbang dan Sukat. Walau bagaimanapun dengan pindaan ini ia membolehkan Piawai-piawai Utama Malaysia ditentukan dan diperakui oleh sesebuah negara yang menjadi ahli kepada Biro Antarabangsa itu di mana Piawai-piawai Malaysia adalah diperolehi dari negeri itu. Dengan itu tidak perlulah Malaysia menghantar Piawai Utamanya untuk penentuan dan pengakuan oleh Biro Antarabangsa itu kerana Piawai Utama yang diperolehi telah memenuhi syarat-syarat Piawai Jisim dan Sukat Prototip Antarabangsa.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh menyambung ucapan esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ini ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari esok, 23hb Jun, 1981.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.